Islamisasi Pembangunan

Muhammad Syukri Salleh
Muhammad Qorib
Sukiman
Kasyful Mahalli
Muhyarsyah
Mohd Shukri Hanapi
Warjio
Saprinal Manurung

Editor : Azuar Juliandi

UMSU PRESS


بسم الله الرحمن الرحيم

ISLAMISASI PEMBANGUNAN

Muhammad Syukri Salleh
Muhammad Qorib
Sukiman
Kasyful Mahalli
Muhyarsyah
Mohd Shukri Hanapi
Warjio
Saprinal Manurung

Editor:
Azuar Juliandi



ISLAMISASI PEMBANGUNAN

Penulis: Muhammad Syukri Salleh, Muhyarsyah, Muhammad Qorib, Mohd Shukri Hanapi, Sukiman, Warjio, Kasyful Mahalli, Saprinal Manurung
Editor: Azuar Juliandi
Desain Sampul: Zulfadli

Cetakan Pertama: April 2014

Diterbitkan oleh UMSU PRESS
Jl. Kapten Mukhtar Basri No. 3 Medan, 20238
Telp. 061-6638296, Fax. 061-6638296
Email: umsupress@gmail.com
http://umsupress.com

ISBN: 978-602-70330-0-9



Kata Pengantar

Bismillahirrahmanirrahim. Puji dan syukur penulis ucapkan kepada Allah SWT. yang telah memberikan hidayahnya sehingga buku Islamisasi Pembangunan dalam berbagai Perspektif dapat diterbitkan untuk menjadi sumber pembelajaran bagi banyak orang khususnya bagi para ilmuan Islam di Nusantara.

Buku Islamisasi Pembangunan disusun berdasarkan kertas kerja pada *International Conference on Islamic Development (5th ICID)* yang diselenggarakan oleh Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara bekerjasama dengan *Centre for Islamic Development Management (ISDEV)* Universiti Sains Malaysia pada tanggal 23 April 2013.

Buku ini berisi mengenai wacana-wacana pembangunan Islam, antara lain: Islamisasi Pemikiran Pembangunan, Islamisasi Ilmu Pengetahuan di Perguruan Tinggi; Reaktualisasi Moralitas Agama (Islam) dalam Proses Perubahan Masyarakat; Islamisasi Pembangunan di Malaysia: Kes Pendekatan Islam Hadhari; Islamisasi Pemikiran Pembangunan di Indonesia: Perspektif Tawhidik; Dari Mafia Berkeley ke Mafia ISDEV; Peranan Pembangunan Institusi Pendidikan terhadap Pembangunan Berteraskan Islam di Indonesia; Islamisasi Pembangunan di Indonesia: Kajian dari Perspektif Perencanaan Pembangunan; dan *Decolonization of Education Through Islamization and Dewesternization.*

Pembangunan berasas kepada nilai-nilai Islam seperti pembicaraan di dalam buku ini sangat penting untuk terus diperbincangkan dalam forum-forum ilmiah oleh para ilmuan Islam di masa depan. Selama ini ilmu pengetahuan telah dikuasai oleh dunia barat, di sisi lain ummat Islam hanya menjadi pengikut pandangan-pandangan barat yang belum tentu sesuai dengan nilai-nilai Islam.

Apabila ilmuan-ilmuan Islam dari berbagai latar belakang keilmuan bersedia melahirkan karya-karya ilmiah dan intensif dalam mengadakan pertemuan ilmiah baik di tingkat lokal, regional maupun internasional, maka akan mempercepat terwujudnya pembangunan Islam di dunia. Pembangunan Islam yang berkembang Insya Allah akan mampu melahirkan masyarakat adil dan sejahtera yang diridhai Allah SWT.

Medan, April 2014
Editor
Azuar Juliandi

Sambutan
Rektor Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara

Bismillahirrahmanirrahim. Puji dan syukur kehadirat Allah Subhanahu wa Ta'ala yang telah mengkaruniakan iman dan Islam kepada kita. Shalawat dan salam bagi Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam beserta para keluarga dan sahabatnya.

Kami mengucapkan terima kasih yang sebesar-besarnya kepada seluruh pihak yang telah berupaya menerbitkan buku Islamisasi Pembangunan ini sebagai sebuah karya yang bermanfaat untuk perkembangan pengetahuan Islam.

Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada Prof. Muhammad Syukri Salleh dari *Centre for Islamic Development Management Studies* (ISDEV) Universiti Sains Malaysia (USM) yang telah sangat berjasa dalam menjalin silaturrahmi keilmuan diantara sesama ilmuan negara serumpun. Jalinan silaturrahmi tersebut telah membuahkan hasil, salah satunya adalah terselenggaranya kegiatan tahunan Workshop Antarbangsa Pembangunan Berteraskan Islam (WAPI) dan *International Conference on Islamic Development* (ICID) di Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU).

Kegiatan WAPI dan ICID yang menjadi dasar lahirnya buku ini telah dilaksanakan sejak tahun 2009 dan berlanjut hingga saat ini. Visi WAPI dan ICID adalah terwujudnya konsep-konsep pembangunan berlandaskan nilai-nilai Islam khususnya di negara serumpun. Misi WAPI dan ICID adalah melakukan berbagai kerjasama dengan berbagai perguruan tinggi di negara serumpun untuk menggali, mengembangkan dan mensosialisasikan konsep-konsep pembangunan berlandaskan nilai-nilai Islam.

Tujuan WAPI dan ICID adalah memotivasi masyarakat intelektual melakukan penelaahan kritis dalam mewujudkan berbagai konsep pembangunan yang digali dari nilai-nilai Islam. Sasaran WAPI dan ICID adalah para kaum intelektual Islam khususnya para mahasiswa dan dosen perguruan tinggi yakni untuk: melakukan berbagai penelitian guna menemukan berbagai pengetahuan mengenai pembangunan dalam segala sendi kehidupan yang bersumber dari sumber-sumber Islam; mensosialisasikan pengetahuan pembangunan berasaskan Islam melalui berbagai pertemuan ilmiah secara berkelanjutan; mempublikasikan temuan-temuan mengenai konsep pembangunan berasaskan Islam dalam bentuk terbitan berkala.

WAPI dan ICID yang telah dilaksanakan selama ini sudah mulai memperlihatkan hasil yang menggembirakan. Para intelektual telah berupaya untuk mengkaji dan mensosialisasikan nilai-nilai pembangunan

berasaskan Islam sebagai sebuah konsep dan pengetahuan ilmiah, seperti: tasawwur Islam, pembangunan berasaskan Islam, manajemen Islam, riset Islam, institusi Islam, keuangan Islam, ekonomi Islam, politik Islam dan sebagainya.

Pengetahuan ilmiah yang telah dihasilkan oleh para intelektual Islam seperti di atas merupakan sebuah kekuatan besar dalam menghadapi derasnya arus pengetahuan dari negara-negara barat. Pengetahuan barat yang umumnya dikembangkan oleh orang non-Islam berorientasi kepada kepentingan dunia, materialisme, individualisme dan mengesampingkan nilai-nilai Ilahiah. Nilai-nilai barat tersebut merasuk ke segala sendi kehidupan dan terbukti banyak merusak tatanan kehidupan masyarakat.

Kalangan ilmiah di perguruan tinggi juga sudah lama terpengaruh oleh nilai-nilai barat tersebut. Akibatnya, setelah lulus dari perguruan tinggi para intelektual negara serumpun yang kebanyakan beragama Islam semakin lama akan semakin jauh dari ajaran Islam. Padahal apabila para intelektual Islam didekatkan kepada Islam maka mereka akan memiliki semangat jihad yang tinggi dalam menggali nilai-nilai yang bersumber kepada sumber-sumber ilmu dan pengetahuan Islam.

Ilmu dan pengetahuan yang berasaskan Islam akan menjadi bekal bagi para intelektual dalam berjuang menegakkan kebenaran, keadilan, dan kesejahteraan di muka bumi. Hingga akhirnya seluruh umat manusia akan merasakan bahwa Islam adalah rahmatan lil 'alamin.

Akhirul kalam, kami mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah bekerjasama dalam mensukseskan WAPI dan ICID. Marilah kita berdo'a semoga Allah memberi keberkahan atas upaya mulia yang telah kita dilakukan dalam menegakkan kejayaan Islam. Amin.

Medan, April 2014
Rektor
Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara
Dr. Agussani, MAP.

Daftar Isi

ISLAMISASI PEMIKIRAN PEMBANGUNAN[1]

Muhammad Syukri Salleh[2]
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang, Malaysia
Email: syukri54@gmail.com

PENGENALAN

Pemikiran pembangunan, seperti juga dengan pemikiran dalam bidang-bidang lain, merupakan satu ilmu. Perbincangan tentang Islamisasi pemikiran oleh itu tidak boleh lepas lari daripada perbincangan tentang Islamisasi Ilmu itu sendiri. Islamisasi Ilmu adalah akarnya manakala pemikiran pembangunan adalah buahnya. Atas sebab itulah maka dalam makalah ini, Islamisasi Ilmu dibincangkan terlebih dahulu sebelum pemikiran pembangunan dibincangkan.

Makalah ini sebenarnya hanya cuba mencari jawapan kepada dua persoalan sahaja. Pertama, apakah yang dimaksudkan dengan Islamisasi Ilmu itu; dan kedua, apakah boleh pemikiran pembangunan diIslamisasikan. Persoalan pertama bertujuan membentuk kerangka analisis bagi menganalisis persoalan kedua. Dengan mengetahui maksud Islamisasi Ilmu, maka kedudukan pemikiran pembangunan, sama ada boleh diIslamisasikan atau tidak, diharap akan terjawab, InsyaAllah.

Dalam melakukan perkara ini, makalah ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama cuba berbincang tentang apa yang dimaksudkan dengan Islamisasi, sejarah kemunculannya dan sebab-sebab kemunculannya. Berasaskan kepada perbincangan dalam bahagian pertama ini, bahagian kedua pula cuba membina pandangan apakah pemikiran pembangunan, terutamanya pemikiran pembangunan dominan masakini boleh diIslamisasikan. Pemikiran pembangunan dominan masakini di sini merujuk kepada pemikiran pembangunan Pertumbuhan (*Growth*) dan

---

[1] Ucaptama yang disampaikan di *The 5th International Conference on Islamic-Based Development* (ICID-5), anjuran Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Ikatan Pelajar dan Alumni ISDEV Sumatera Utara (IPA-ISDEV SU) dan Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, di Hotel Madani, Medan, Indonesia, 23 April 2013.

[2] Profesor Muhammad Syukri Salleh ialah Profesor Perancangan dan Pengurusan Pembangunan dan Pengarah, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia. Beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia atas pemberian geran Research University Team (RUT) yang membolehkan kajian dan penulisan ini dilakukan dan kepada Pegawai Penyelidik ISDEV Nur Inani Ismail yang membantu mencari bahan-bahan rujukan untuk tulisan ini.

pemikiran Pengagihan-Dengan-Pertumbuhan (*Redistribution-With-Growth*) yang lahir daripada falsafah Neo-Klasikal dan membentuk sistem kapitalis, serta pemikiran pembangunan Strukturalis (*Structuralist*) dan pemikiran pembangunan Pergantungan (*Dependency*) yang lahir daripada falsafah Radikal dan kemudiannya membentuk sistem sosialis atau komunis. Pemikiran pembangunan sebegini diistilahkan sebagai pemikiran pembangunan lazim.

ISLAMISASI ILMU

Islamisasi boleh diertikan sebagai transformasi pandangan alam (*worldview*) daripada yang tidak betul (*crooked*) atau daripada jahil kepada yang Islami (Danjuma A. Maiwada, n.y:275). Dalam sejarah hidup manusia, transformasi sebegini berlaku berkali-kali melalui kedatangan Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul secara bergilir-gilir. Apabila manusia mempunyai dan mengamalkan pandangan hidup yang tidak betul, Allah SWT kirimkan Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul untuk membawa mereka kembali kepada amalan yang betul, berasaskan kepada pandangan alam yang Islami. Selepas Rasulullah SAW, Rasul yang terakhir, pembetulan pandangan alam dan ajakan kepada mengamalkannya dilakukan oleh para dai' yang berlegar ke seluruh pelusuk dunia.

Di Nusantara misalnya, transformasi pandangan alam ini diusahakan oleh para dai' dengan mengubah pandangan alam Buddhist dan Hindu kepada pandangan alam Islami. Syed Muhammad al-Naquib al-Attas (1969), sarjana pertama yang menggunakan istilah Islamisasi ini, menggambarkan bagaimana Islamisasi di Nusantara ini berlaku melalui persejarahan dan impak budaya Islam ke atas dunia Melayu. Proses Islamisasi ini menrevolusikan visi realiti dan kewujudan kepada pandangan hidup Islam yang unggul. Lebih kurang sepuluh tahun selepas itu, Syed Muhammad al-Naquib al-Attas (1978:41) mendefinisikan Islamisasi sebagai pembebasan (liberasi) manusia. Pembebasan ini bermula dengan pembebasan manusia daripada unsur-unsur magikal, mitologikal, animistik, tradisi nasional-budaya, dan selepas itu daripada kontrol sekular ke atas alasan (*reason*) dan bahasa manusia tersebut.

Dalam bidang pendidikan, Islamisasi Ilmu ini didefinisikan sebagai memasukkan disiplin ilmu ke dalam kurikulum, menyediakan perspektif Islam terhadap isu-isu dalam silibus, dan menempatkan, di mana perlu, disiplin sekular ke dalam pandangan alam Islam (Suleman Dangor, 2005:519). Usaha begini telah dilakukan sejak awal 1980han oleh para sarjana Muslim yang bekerja di Amerika Syarikat. Yang paling serius melakukannya ialah para sarjana yang berpayung di bawah *International Institute of Islamic Thought* (IIIT). IIIT ini ditubuhkan pada 1981, berpusat di Herndon, Virginia dan kini mempunyai cabangnya di seluruh dunia. Tujuannya ialah untuk menghidupkan kembali dan mempromosi pemikiran

dan ilmu Islam[3]. Mengikut pengasas IIIT, Ismail al-Faruqi, projek Islamisasi ini merupakan respons kepada "kecelaruan ummah", atau apa yang diistilahkan oleh beliau sebagai "*the malaise of the ummah*" (Begum Rokshana Mili, 2008:1)[4], atau oleh bekas Presiden IIIT 'AbdulHamid A. AbuSulayman (1993) sebagai "krisis minda" dalam kalangan Muslim. Mengikut 'AbdulHamid A. AbuSulayman (2007:5), orang-orang Muslim mempunyai visi ideologi yang telah rosak, misalnya dalam motivasi budaya, pendekatan intelektual, dan wacana pendidikan yang tidak betul. Secara lebih khusus, sebagaimana disebutkan oleh Suleman Dangor (2005:519), projek Islamisasi Ilmu ini dilakukan sebagai respons kepada sekularisasi yang berleluasa dalam masyarakat Muslim.

Solusi kepada permasalahan ini, menurut IIIT, ialah dengan mereformasikan diri dan merubah jiwa Muslim itu sendiri. IIIT berusaha melakukan perkara ini melalui projek Islamisasi Ilmu dengan merancang satu reformulasi pemikiran Islam. Reformulasi pemikiran Islam ini dimulakan dengan kepercayaan dan kemanusiaan Islam, global, dan prinsip ketamadunan berasaskan Tauhid ('Abdulhamid A. Abusulayman, 2007:14-15). Untuk merealisasikan perancangan ini, maka dicadangkan reformasi dalam tiga perkara berikut. Pertama, memperbetulkan hubungan antara wahyu (*divine revelation*) dan alasan (*reason*). Kedua, mendefinisikan semula erti ilmu agar tidak berlaku kekaburan tentang sesuatu konsep. Ketiga, mengorganisasi dan mengorientasi semula metod pendidikan dan instruksi Islam untuk memadamkan dualisme yang keliru yang membahagikan ilmu kepada kategori intelektual, sosial, religius, dan perundangan (`AbdulHamid A. AbuSulayman 1985:269)[5]. Menurut seorang lagi sarjana IIIT yang aktif, Taha Jabir al-Alwani (2006:7), pembaharuan pemikiran Islam dan Islamisasi Ilmu ini membina intipatinya daripada rekonstruksi dan reformasi minda Muslim, dengan mengembalikan hubungannya dengan Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah SAW. Projek Islamisasi Ilmu ini telah diterjemahkan secara praktikal di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), terutamanya apabila bekas Presiden IIIT `AbdulHamid A. AbuSulayman menjadi Rektor di Universiti tersebut pada tahun 1989 hingga 1999[6].

Sebenarnya, terdapat sesetengah sarjana yang berfikiran bahawa ilmu adalah neutral, hanya penyampai ilmu sahaja yang perlu diIslamkan (Bashir S. Galadanci n.y:272). Sebagaimana ditanggapi oleh Fazlur Rahman (1988:4), ilmu itu tidak salah. Yang salahnya ialah dunia moden yang

---

[3] Untuk mengetahui perkembangan fokus Islamisasi Ilmu IIIT ini, lihat Bashir S. Galadanci, n.y:274).

[4] "Malaise" bermaksud satu keadaan di mana masyarakat merasakan ada sesuatu yang tidak kena dan tidak berpuashati dengannya, tetapi tidak mengetahui dengan shahih apa yang sebenarnya tidak kena itu.

[5] Untuk perbincangan terperinci tentang model-model Islamisasi Ilmu ini, lihat Anynomous (n.d.a).

[6] Untuk analisis kritis ke atas usaha Islamisasi Ilmu di UIAM, lihat Mohamed Aslam Haneef (2009).

menyalahgunakan ilmu. Malah katanya, ilmu sihir yang dikondem oleh al-Qur`an pun adalah juga ilmu, walaupun amalan dan penggunaannya adalah buruk dan dilarang (Fazlur Rahman 1988:5, 10). Bagi Fazlur Rahman (1988:6), semua ilmu adalah baik. Yang membuatkan sesuatu ilmu itu menjadi buruk ialah kerana penyalahgunaannya.

Walau bagaimanapun, dalam mengIslamisasikan Ilmu, hanya ilmu yang dicemari (*polluted knowledge*) yang boleh diIslamisasikan. Ilmu-ilmu yang jelas dilarang oleh Islam, umpamanya ilmu korupsi, ilmu pelacuran, ilmu sihir, ilmu judi, ilmu arak, dan lain-lain seumpamanya tidak boleh diIslamisasikan (Anonymous, n.d.b:18). Menurut Taha Jabir al-Alwani (1994:10), terdapat tiga perkara yang perlu jelas dalam mengIslamisasi Ilmu. Pertama, sumber ilmu perlulah daripada sumber Islami, yakni daripada wahyu (al-Qur`an dan Sunnah) dan daripada alam semulajadi. Kedua, metod untuk mendapatkan ilmu mesti metod Islami. Dan ketiga, hasil yang dicapai mestilah konsisten dengan sifat semula jadi manusia, undang-undang semula jadi alam sejagat, prinsip dan perintah ajaran Islami, dan nilai moral dan estetika Islami.

ISLAMISASI PEMIKIRAN PEMBANGUNAN

Bagi Islamisasi pemikiran pembangunan, perbincangan di atas membawa kepada dua kesimpulan utama. Pertama adalah yang berkaitan dengan sifat Islamisasi pemikiran pembangunan, dan kedua, yang berkaitan dengan pemikiran pembangunan yang hendak diIslamisasikan tersebut.

Dalam hal pertama, dapat disimpulkan bahawa Islamisasi pemikiran pembangunan mesti melibatkan transformasi pandangan alam daripada pandangan alam tidak-Islami kepada pandangan alam yang Islami sepenuhnya. Syed Muhammad al-Naquib al-Attas (1969, 1978) telah menjelaskan tentang transformasi sebegini berdasarkan kepada transformasi pandangan alam masyarakat Nusantara, daripada pandangan alam Buddhist dan Hindu kepada pandangan alam Islam. Begitu juga IIIT. Sama ada secara langsung atau tidak langsung IIIT telah menekankan bahawa Islamisasi perlu dilakukan berdasarkan kepada sumber ilmu Islami (wahyu dan Sunnah), definisi konsep-konsep Islami, dan metod Islami. Dalam perkataan lain, Islamisasi pemikiran pembangunan kena bermaksud Islamisasi pemikiran pembangunan secara total, bukan secara separa. Acuannya adalah berdasarkan epistemologi dan pandangan alam (*tasawwur*) Islam sendiri, definisi konsep-konsepnya adalah mengikut ajaran Islam, dan metodnya juga adalah berasaskan kepada metod Islami[7].

---

[7] Untuk perbincangan tentang perlunya acuan Islam bagi pemikiran pembangunan ini, lihat Muhammad Syukri Salleh, 2003. Bagi perbincangan tentang betapa perlunya definisi semula konsep-konsep ini, lihat Muhammad Syukri Salleh, 2013. Bagi perbincangan tentang betapa perlunya metodnya bersifat Islami, lihat Muhammad Syukri Salleh, 2008.

Islamisasi pemikiran pembangunan sebegini tidak boleh dilakukan seperti apa yang dilakukan oleh sarjana ekonomi Islam arus perdana yang memakai pendekatan akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik. Dalam pendekatan ini, para sarjana ekonomi Islam arus perdana mengakomodasikan perkara-perkara terpilih daripada ekonomi konvensional, memodifikasikannya, dan menamakannya sebagai ekonomi Islam. Bagi mereka, tidak mengapa perkara sebegini dilakukan selagi ia tidak bertentangan dengan aqidah dan syariah Islam.
Walau bagaimanapun, saya berbeza pendapat dengan pandangan sedemikian[8]. Apa yang dikatakan tidak bertentangan dengan aqidah dan syariah Islam itu hanya dilihat pada peringkat operasional sahaja. Pada peringkat epistemologi dan pandangan alam, pertentangan itu tidak diteliti dengan sewajarnya. Mekanisme pembangunan di peringkat operasional mungkin ternampak semacam tidak bertentangan dengan aqidah dan syariah Islam, tetapi apabila dilihat di peringkat epistemologi dan pandangan alam, ia sebenarnya adalah bertentangan. Epistemologi pemikiran pembangunan lazim adalah daripada aqal, manakala pandangan alamnya tertumpu kepada keduniaan. Sebaliknya, epistemologi pemikiran pembangunan berteraskan Islam adalah daripada al-Qur`an dan Hadith (ditambah dengan *ijmak* dan qiyas *ulamak*), manakala pandangan alamnya tertumpu kepada keduniaan dan keakhiratan. Oleh kerana epistemologi dan pandangan alam merupakan intipati kepada acuan, maka apabila berbezanya epistemologi dan pandangan alam pemikiran pembangunan lazim dengan epistemologi dan pandangan alam pemikiran pembangunan Islam ini, berbeza pulalah pemikiran pembangunan antara keduanya.

Islamisasi pemikiran pembangunan oleh itu mesti melibatkan kedua-dua peringkat, peringkat operasional dan peringkat pandangan alam, agar berlakunya transformasi total daripada pandangan alam yang non-Islami kepada pandangan alam yang Islami. Jika peringkat ini diambilkira, maka tidak ada lagi persoalan adanya unsur pembangunan lazim yang tidak bertentangan dengan aqidah dan syariah. Unsur pembangunan lazim memang bertentangan dengan aqidah dan syariah walaupun ternampak semacam tidak bertentangan kerana acuannya (epistemologi dan pandangan alam) adalah bertentangan dengan acuan pemikiran pembangunan Islam. Apabila pemikiran pembangunan bertunjangkan epistemologi dan pandangan alam Islami, maka dengan sendirinya segala unsurnya adalah selari dengan pemikiran pembangunan Islami. Begitulah juga yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Sebagaimana dinyatakan oleh Mohd Shukri Hanapi (2012), apabila Rasulullah SAW mengadoptasi amalan daripada jahiliyyah, Baginda mentransformasikan pandangan alamnya hingga amalan tersebut menjadi Islami, bukan mencampuradukkan antara unsur jahiliyyah dengan unsur Islami.

---

[8] Untuk kritik terperinci saya terhadap pendirian sarjana ekonomi Islam arus perdana ini, lihat Muhammad Syukri Salleh, 2011a dan 2011b.

Kedua, bidang ilmu yang hendak diIslamisasikan itu hendaklah bidang ilmu yang tidak dilarang oleh Islam. Dalam kes ini, pemikiran pembangunan boleh diIslamisasikan kerana pembangunan merupakan bidang ilmu yang tidak termasuk dalam bidang ilmu yang dilarang. Malah sebaliknya, bidang ilmu pembangunan adalah merupakan bidang ilmu fardhu kifayah yang perlu dimiliki oleh orang-orang Islam. Cuma dalam bidang ilmu pembangunan dominan sekarang – sama ada ilmu pembangunan Pertumbuhan dan Pengagihan-Dengan-Pertumbuhan yang lahir daripada falsafah Neo-Klasikal atau ilmu pembangunan Strukturalis dan Pergantungan yang lahir daripada falsafah Radikal – semuanya tidak Islami kerana acuannya ialah acuan Barat, epistemologinya bersifat keduniaan semata yang bersumberkan kepada aqal, manakala sifatnya condong kepada kepentingan Barat (*western-ethno-centric* atau *Eurocentric*).

Islamisasi pemikiran pembangunan oleh itu merujuk kepada mengIslamkan pemikiran pembangunan ini secara total. Pemikiran pembangunan lazim ini bukan sahaja merupakan ilmu yang telah dicemari, malah merupakan ilmu yang salah di sisi Allah SWT. Islamisasi pemikiran pembangunan sedemikian tidak mungkin sempurna kecuali dengan memulakan daripada acuan dan epistemologi Islam sendiri, bersumberkan wahyu dan Sunnah Rasulullah SAW, serta bersifat mencari keredhaan Allah SWT (*mardhatillah*) agar dengan itu akan tercapailah kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat (*al-Falah*). Islamisasi pemikiran pembangunan ini oleh itu tidak boleh diakomodasi dan dimodifikasi daripada pemikiran pembangunan lazim lalu dinamakan pembangunan berbasiskan Islam seperti yang dilakukan oleh sarjana ekonomi Islam arus perdana. Islamisasi pemikiran pembangunan mesti membina pembangunan berteraskan Islam daripada acuannya sendiri, bukan daripada acuan pembangunan lazim. Pemikiran pembangunan berteraskan Islam itu harus lahir sebagai satu pemikiran pembangunan yang baru, bukan pemikiran pembangunan yang lahir daripada pemikiran pembangunan lazim yang cemar dan salah.

PENUTUP

Perbincangan di atas telah menjawab dua persoalan yang menjadi tujuan makalah ini. Pertama, Islamisasi ilmu adalah merujuk kepada transformasi pandangan alam secara total, dengan definisi dan metod yang Islami. Kedua, Islamisasi pemikiran pembangunan pula boleh diIslamisasikan kerana ia bukan bidang ilmu yang dilarang oleh Islam. Namun begitu, Islamisasi pemikiran pembangunan ini harus berbentuk total, bukan berbentuk separa. Apabila pandangan alam Islami menjadi acuan kepada pemikiran pembangunan, maka seluruh unsurnya, sama ada di peringkat operasional atau di peringkat falsafah, akan bersifat Islami secara komprehensif.

REFERENSI

Anynomous (n.d.a). "Islamization of Knowledge Models", http://i-epistemology.net/ attachments/505_iokn%20-%20Chp%205%20-20Islamization%20of%20Knowledge%20 Models.pdf, di akses pada 19 April 2013.

Anonymous (n.d.b). "Definition and Goals of Islamization of Knowledge", http://i-epistemology.net/attachments/505_iokn%20-%20Chp%203%20-%20Definition%20and %20 Goals%20of%20Islamization%20of%20Knowledge.pdf, diakses pada 19 April 2013.

'AbdulHamid A. AbuSulayman (1985). "Islamization of Knowledge with special Reference to Political Science", *The American Journal of Islamic Social Sciences*, Vol.2, No.2, pp. 263-289.

'AbdulHamid A. AbuSulayman, transl. Yusuf Talal DeLorenzo (1993). *Crisis in the Muslim Mind*, Herndon, Virginia, USA: The International Institute of Islamic Thought.

'Abdulhamid A. Abusulayman (2007). *Revitalizing Higher Education in the Muslim World – A Case Study of the International Islamic University Malaysia (IIUM)*, Occasional Paper Series 12, London, UK & Washington, USA: The International Institute of Islamic Thought.

Bashir S. Galadanci (n.y). "Islamization of Knowledge: The Journey so Far", *The American Journal of Islamic Social Sciences*, Vol.14, No.2.

Begum Rokshana Mili (2008). "Islamization of Knowledge: A Focus on Theory and Practice of Islamizing Governance Polity", kertas dibentangkan di *Workshop on Islamic Epistemology and Curriculum Reform*, at Islamic University Kustia, Bangladesh, 2-3 Mei 2008.

Danjuma A. Maiwada (n.y). "Islamization of Knowledge: Background and Scope", *The American Journal of Islamic Social Sciences*, Vol.14, No.2.

Fazlur Rahman (1988). "Islamization of Knowledge: A Response", *The American Journal of Islamic Social Science*, Vol.5, No. 1, pp. 3-11.

M. A. K. Lodhi, ed. (1994). *Islamization of Attitudes and Practices in Science and Technology*, Herndon, Virginia, USA: The International Institute of Islamic Thought, reprint.

Mohamed Aslam Haneef (2009). *A Critical Survey of Islamization of Knowledge*, Gombak, Selangor; IIUM Press, second edition.

Mohd Shukri Hanapi (2012). "From Jahiliyyah to Islamic Worldview: In Search of an Islamic Educational Philosophy", a paper presented at *2nd International Conference of Sultan Omar 'Ali Saifuddien Centre for Islamic Studies (SOASCIS)*, organized by SOASCIS, Universiti Brunei Darussalam (UBD), at UBD, on 5-7 November 2012.

Muhammad Syukri Salleh (2003). *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*, Kuala Lumpur: Zebra Editions dan Penang: Islamic Development Management Project (IDMP), Universiti Sains Malaysia.

Muhammad Syukri Salleh (2008). "Keperluan, Kedudukan dan Hala Tuju Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam", *Pemikir*, Bil. 54, Oktober-Disember 2008.

Muhammad Syukri Salleh (2011a). "Aliran Pemikiran Ekonomi Islam Melayu", makalah yang disampaikan di *Konferensi Internasional Islam di Alam Melayu dengan Tema "Jaringan Islam Di Alam Melayu: Masa Lalu, Masa Kini, dan Masa Depan"*, anjuran Program Pasca Sarjana UIN Sunan Gunung Djati Bandung (PPs UIN SGD) dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Malaysia (APIUM), di Gedung Merdeka Bandung, Indonesia, 20 - 22 November 2011.

Muhammad Syukri Salleh (2011b). "Islamic Economics Revisited: Recontemplating Unresolved Structure And Assumptions", makalah yang disampaikan di *The Eighth International Conference on Islamic Economics and Finance: Sustainable Growth and Inclusive Economic Development From an Islamic Perspective*, anjuran Qatar Foundation, Islamic Research and Training Institute of the Islamic Development Bank, dan International Association of Islamic Economics, 25 – 27 Disember 2011, di Doha, Qatar.

Muhammad Syukri Salleh (2013). "Concepts in Islamic Economics Revisited: The Case of Poverty", makalah yang dibentangkan di *Workshop on Basic Concepts and Thoughts in Islamic Economics*, anjuran Association of Science Culture Education (ILKE), Association of Entrepreneurship and Business Ethics (IGIAD), dan Scientific Studies Association (ILEM), di Istanbul, Turki, 1-3 Mac 2013.

Suleman Dangor (2005). "Islamization of Disciplines: Towards an Indigenous Educational System", *Educational Philosophy and Theory*, Vol.37, No. 4, pp. 519-531.

Syed Muhammad al-Naquib al-Attas (1969). *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago*, Kuala Lumpur, Malaysia: n.p.

Syed Muhammad al-Naquib al-Attas (1978). *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur, Malaysia: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).

Taha Jabir al-Alwani (1994). "Islamization of Attitudes and Practices in Science and Technology", in M. A. K. Lodhi, ed., *Islamization of Attitudes and Practices in Science and Technology*, Herndon, Virginia, USA: The International Institute of Islamic Thought, reprint.

Taha Jabir al-Alwani (2006). *Islamic Thought: An Approach to Reform – An Introduction to the Structures of Discourse in Islamic Thought*, London, UK & Washington D.C., USA: The International Institute of Islamic Thought.

The International Institute of Islamic Thought (1989a). *Islamization of Knowledge–General Principles and Work Plan*, Herndon, Virginia, USA: The International Institute of Islamic Thought, second edition, revised and expanded.

The International Institute of Islamic Thought (1989b). *Toward Islamization of Disciplines*, Herndon, Virginia, USA: The International Institute of Islamic Thought.

ISLAMISASI ILMU PENGETAHUAN DI PERGURUAN TINGGI

Muhyarsyah
Fakultas Ekonomi Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU)
Medan, Indonesia
Email: otanjung@yahoo.co.id

PENDAHULUAN

Ilmu pengetahuan hendaknya saling berhubungan antara *iman, aql, qalb dan taqwa*[9]. Esensi ilmu secara mutlak sebagai milik Allah SWT, tentu memberikan kesadaran pada manusia akan keterbatasan yang dimilikinya. Pemahaman ilmu secara epistemologi Islam senantiasa menekankan paradigma dan tujuannya pada ketauhidan, agar tetap istiqomah dalam memahami ilmu *observable* (yang terlihat) dan *non-observable* (yang tidak terlihat). Ilmu *observable* diperoleh melalui akal dengan melakukan *experiment*, *observation*, dan *sensory*[10]. Sedangkan ilmu *non-observable* diperoleh melalui *wahyu* dan *intuisi* yang menghasilkan ilmu yang mutlak tidak terlihat (*ghaib mutlaq*) dan relatif (*ghaib nisbi*) namun tetap diyakini. Maka ketika Islam memposisikan ilmu sebagai esensi dasar dalam mencapai kebahagiaan manusia, seluruh pencarian dan penemuan ilmu pengetahuan hendaknya menggabungkan antara *akal, wahyu* dan *intuisi* dalam kerangka *'aqli* dan *naqli*[11].

Permasalahan yang muncul adalah, *pertama*, sebagian besar para sarjana, ilmuan, intelektual dan pendidik Islam menjadikan akal sebagai satu-satunya sumber mutlak dalam mendapatkan ilmu pengetahuan; *kedua,* mengabaikan wahyu dan intuisi sebagai sumber asasi; *ketiga*, mengabaikan keyakinan (*religion*) sebagai makhluk ciptaan Allah yang memiliki keterbatasan ilmu; *keempat*, sebagian besar intelektual Islam telah terkontaminasi pola pikir sarjana barat melalui ide sekularisasi dan liberalisasi.

---

[9] Kasule, Omar Hasan. (2008). *Towards Islamic Epistemology and Islamic Curricula*. In the Worshop on Epistemology held at Universitas Islam Negeri Jakarta on 23rd May 2008.

[10] Kamali, Muhammad Hassan. (Winter 2006). Reading the Sign: A Qur'anic Perspective on Thinking. *Islamis & Science Journal*, Vol. 4, No. 2. Lihat juga Golshani, Mehdi (1989). *Philosophy of Science from the Qur'anic Perspective in Toward Islamization of Disciplines*. Herndon: The Internation Institute of Islamic Thought.

[11] Sumber ilmu pengetahuan pada dasarnya dari Allah, namun dalam proses mendapatkan ilmu didasarkan pada ketentuan Allah SWT dalam memberikannya kepada manusia dan seluruh makhluk ciptaan-Nya. Allah SWT dapat memberikan ilmu melalui naluri (*instinct*), pancaindera (*sensory*), intuisi/nalar (intuition/reason), akal (intellect), pengalaman dan penelitian empiris (*experience and research of empirical*), dan wahyu (*revelation*). Lihat (Hasan, Muhammad Thalhah. (2006). *Dinamika Pemikiran Tentang Pendidikan Islam*, Jakarta: Lantabora Press; Al-Ghazali (). Tahafut al Falasifah.

Sarjana barat berpandangan bahwa ilmu dan agama adalah terpisah[12], mereka melakukan dikotomi antara ilmu agama (*al-'ulum al-diniyyah/religious science*) dengan ilmu umum (*al-'ulum al-tajribiyah/general science*), menganggap ilmu pengetahuan adalah bebas nilai (*value free*), akal menjadi sumber mutlak dalam mendapatkan kebenaran, sejarah (*history*), peradaban (*civilzation*) dan budaya (*culture*) hanya menjadi dasar dalam memodernisasi kehidupan sosial tanpa menjadikannya sebagai rujukan dalam mendapatkan kebenaran.

Kondisi ini menyebabkan munculnya berbagai aliran pemikiran seperti *sekularisme, liberalisme, marxisme, materialisme, rasionalisme, positivisme, emperisme, skeptisme, agnotisme, relativisme*, dll. Bahkan dampak dikotomi antara ilmu dan agama, memunculkan dua konsep yang saling bertolak belakang yaitu antara *dunia-akhirat, tekstual-kontekstual, akal-wahyu, objektif-subjektif, induktif-deduktif*, dll. Efeknya adalah memposisikan manusia sebagai Tuhan dalam kehidupannya di dunia, karena mereka berpendapat bahwa unsur transendental (agama) dan makhluk (manusia) sebagai hasil ciptaan sehingga dapat dilakukan dikotomi.

Permasalahan di atas menjadi salah satu benang merah munculnya ide Islamisasi ilmu pengetahuan (*Islamization of knowledge*). Ide ini merupakan gagasan monumental dalam upaya mengembalikan nilai-nilai Islam sebagai dasar dalam memahami ilmu pengetahuan, serta melahirkan ilmuan (sarjana) Islam yang memahami ilmu konvensional (*al-'ulum al-tajribiyah)* disatu sisi dan ilmu agama (*al-'ulum al-diniyyah)* disisi lain. Dalam merealisasikan tujuan mulia ini, diperlukan sebuah restorasi untuk membenahi sistem pendidikan yang menempatkan ajaran Islam sebagai pintu gerbang dalam menggali ilmu pengetahuan. Salah satunya melalui pembenahan kurikulum berbasiskan nilai-nilai ke-Islaman pada institusi pendidikan, khususnya perguruan tinggi yang berlatar belakang Islam.

Sebagai salah satu institusi perguruan tinggi Islam yang merupakan Amal Usaha Muhammadiyah. Tentunya Univeristas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU) perlu melakukan pembaharuan kembali tentang konsep dan konstruk dari kurikulum, metode pembelajaran, sumber dan media pembelajaran, serta melakukan evaluasi pembelajaran yang selama ini dilakukan dengan mengintegrasikan antara ilmu dan agama.

Hal ini disebabkan, ketika visi UMSU ingin "menjadi pusat keunggulan dalam penyelenggaraan dan pengembangan ke-Islaman, ilmu pengetahuan dan profesionalitas, kesenian dan teknologi berwawasan global*".* Sementara itu misi UMSU adalah menyelenggarakan pendidikan dan pengajaran, penelitian, pengabdian dan pembinaan nilai-nilai hidup Islami; mengembangkan kebebasan berfikir ilmiah yang dijiwai dengan semangat

---

[12] Leif Stenberg . (1996). *The Islamization of Science: Four Muslims Positions Developing an Islamic Modernity.* Stockholm: Almqvist & Wiksell International; lihat juga Moten, Abdul Rashid. (1998). Approaches to Islamization. *Intellectual Discourse*, Vol 6, No 1, 88-98.

ketauhidan; mengembangkan jiwa kemandirian dalam berbagai ilmu pengetahuan, keahlian/ketrampilan, teknologi dan seni; serta menyelenggarakan kegiatan dakwah Islam sebagai bagian integral dari tujuan Muhammadiyah. Namun pada kenyataannya belum mampu dalam mensinergikan dan mengintegrasikan antara ilmu dan agama.

Apakah problem ini disebabkan pemahaman Dosen, ketika menyusun satuan acara perkuliahan & garis-garis besar program pengajaran, metode pengajaran, sumber pengajaran, dan evaluasi pengajaran pada mata kuliah umum dianggap berdiri sendiri dan tidak dapat diintegrasikan dengan nilai-nilai ke-Islaman, atau ketidakinginan Dosen dalam menggali khazanah warisan keilmuan dari para ilmuan Islam dalam upaya mensinergikan mata kuliah umum yang mereka ajarkan.

Jika ini masalahnya, maka harapan dan keinginan dalam merealisasikan visi dan misi UMSU akan sulit tercapai. Bahkan mata kuliah Al-Islam dan Kemuhammadiyahan yang diharapkan sebagai ujung tombak dalam upaya menanamkan nilai-nilai ke-Islaman pada mahasiswa sampai saat ini hanya memberikan kontribusi yang terbatas dalam merobah pola pikir, prilaku, moralitas dan intelektualitas mahasiswa dalam memahami ilmu dan agama (Islam) secara kaffah.

Berbagai permasalahan di atas dapat diidentifikasi dengan suatu kesimpulan, diantaranya adalah etika berpakaian dan pergaulan mahasiswa tidak mencerminkan nilai-nilai ke-Islaman; masih rendahnya pemahaman sebagian mahasiswa dan dosen mengenai nilai-nilai ke-Islaman; masih rendahnya keinginan dosen untuk mencoba mengintegrasikan antara ilmu konvensional dengan memasukkan nilai-nilai ke-Islaman dalam setiap proses perkuliahan; kurangnya minat sebagian dosen untuk mensinergikan antara ilmu konvensioanl dan warisan keilmuan Islam dalam setiap mata kuliah yang diajarkan; rendahnya minat dosen dalam membaca, menggali dan memahami sumber-sumber Ilmu pengetahuan yang berasal warisan (*turats*) para sarjana Islam klasik dan sarjana Islam modern.

Maka berdasarkan permasalahan yang kompleks tersebut, penulis tertarik memberikan sebuah pemikiran dan solusi mendasar yang komprehensif dalam upaya melakukan sebuah restorasi dan perbaikan dalam rangka mengembalikan nilai-nilai ke-Islaman sebagai dasar dari visi, misi dan tujuan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara dalam menjadi salah satu institusi Islam yang melahirkan sarjana-sarjana yang faham tentang ilmu modern (konvensional) dan menjadikan agama (Islam) sebagai sumber dasar dalam menjiwai nilai-nilai ilmu pengetahuan.

Oleh sebab itu penulis merumuskan beberapa masalah yang akan dibahas dalam tulisan ini, diantaranya adalah, apakah hakikat Islamisasi ilmu pengetahuan?, apakah Islamisasi kurikulum suatu kebutuhan?, mengapa Islamisasi ilmu pengetahuan perlu di lingkungan Universitas Muhammadiyah

Sumatera Utara?, bagaimana metode penerapan Islamisasi ilmu pengetahuan di Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara?.

MEMAHAMI HAKIKAT ISLAMISASI ILMU PENGETAHUAN

Gagasan Islamisasi Ilmu Pengetahuan adalah sebagai ide untuk mengembalikan peradaban dan kegemilangan Islam dalam segala aspek[13]. Sebab ilmu pengetahuan adalah jantung dari perkembangan dan kemajuan suatu bangsa dan kebahagiaan manusia. Disamping itu Islamisasi ilmu pengetahuan merupakan satu kesatuan yang tidak terpisah, mencakup konsep ilmu dalam bingkai epistemologi dan konsep Tuhan dalam bingkai teologi.

Konsep Islamisasi Ilmu pengetahuan pada dasarnya telah muncul dan berkembang pada masa Sultan Al-Ma'mun (khalifah pada Dinasti Abbasyiah ketujuh). Ini ditandai dengan berdirinya sebuah institusi keilmuan dinamakan *Bait Al-Hikmah*[14]. Pada era ini disebut sebagai *Islamic Golden Age* (era keemasan Islam) dalam peradaban dan ilmu pengetahuan. Selanjutnya ide Islamisasi ilmu pengetahuan kembali muncul pada abad ke 20 dari beberapa ilmuan Islam modern diantaranya adalah Sayyid Hussen Nasr dengan idenya bahwa ilmu pengetahuan akan dapat diperoleh dengan intelektualitas yang bersifat ke-Tuhanan[15]. Sementara itu Muhammad Naquib Al-attas berpendapat bahwa pembebasan manusia dari faktor irasional serta faham sekuler[16]. Sedangkan Ismail Razi Al-Faruqi berpendapat bahwa antara realitas keduniawian tidak bisa dipisahkan dengan realitas absolut (Allah)[17].

Perkembangan dan kemajuan ilmu pengetahuan di negara-negara Eropa/Barat bermula dari pemberontakan dan penolakan masyarakat terhadap agama Kristen yang mana kekuasaan absolut dikendalikan pihak Gereja, dilanjutkan dengan konflik antara pihak gereja dan Ilmuan (sarjana), serta terjadinya revolusi industri di Prancis. Dampak dari kondisi ini

---

[13] Aspek agama, pendidikan, kesehatan, hukum, sosial, budaya, ekonomi, politik, pertahanan, dll.

[14] Bait al-hikmah (*House of Wisdom*) adalah institusi ilmiah yang didirikan pada abad ke 19 pada masa Khalifah Sultan Al-Ma'mun. Ia berfungsi sebagai perpustakaan, pusat penelitian dan penerjemahan karya-karya para saintis dan filosofis ilmuan Greek. Pada masa tersebut bermunculan para ilmuan-ilmuan Islam yang menguasai berbagai disiplin ilmu diantaranya AL-Kinid, Al-Farabi, Ibn Sina, Ibn Al-Haitham, dll.

[15] Nasr, Seyyed Hoosein. (1968). *Man and Nature: The Spritual Crisis in Modern Man*. London: Mandala Unwin Paperbacks. Lihat juga buku Nasr, Seyyed Hoosein. (2001). *Science and Civilization in Islam*. Chicago: ABC International Group Inc; dan Nasr, Seyyed Hoosein. (1976). *Islamic Science: An Illustrated Study*.

[16] Al-Attas, Muhammad Naquib. (1993). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Internation Institute of Islamic Thought and Civilizaation. Lihat juga buku Al-Attas, Muhammad Naquib. (2001). *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Internation Institute of Islamic Thought and Civilizaation.

[17] Lihat buku Al-Faruqi, Ismail Raji. (1987). *Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan*. International Institute of Islamic Thought.

melahirkan sebuah *renaissance era* (era kebangkitan) di negara-negara Eropa/Barat yaitu kebangkitan dan kemajuan ilmu pengetahuan. Namun perkembangan dan kemajuan yang terjadi menyebabkan peran agama terhadap ilmu pengetahuan dalam posisi berseberangan, sehingga melahirkan nilai-nilai sekuler[18]. Ini sejalan dengan pernyataan *Nietzsche*, bahwa "agama tidak bisa disesuaikan dengan ilmu pengetahuan". Ia menambahkan, "seseorang tidak dapat mempercayai dogma-dogma agama dan metafisika jika memiliki metode-metode yang ketat untuk meraih kebenaran di dalam hati. Antara ilmu pengetahuan dan agama masing-masing menempati bidang yang berbeda"[19]. Pemikiran ini telah merasuki dan dieksplorasi sebagian besar para sarjana Islam yang memiliki pemikiran sekuler. Salah satunya Bassam Tibi, yang mengemukakan bahwa keterbelakangan umat Islam dalam pembangunan ilmu dan teknologi berasal dari umat Islam sendiri. Ini disebabkan, masyarakat Muslim telah dipengaruhi secara struktural oleh budaya dan ajaran Islam. Maka solusi dari masalah ini adalah dengan melakukan sekulerisasi terhadap Islam.[20]

Jika melihat hakikat dari Islamisasi Ilmu Pengetahuan/*Islamization of Knowledge*/*Islamiyyat al-Ma'rifat* pada intinya adalah ingin memurnikan kembali ilmu dalam kerangka Al-Quran dan Hadis. Al-Attas mengemukakan sebagai *Liberation of man first, from megical, mythological, animistic, national-cultural tradition (proposed to Islam), and then from secular control over his reason and language.*[21] Al-Attas juga mengatakan perlunya *the deliverance of knowledge from its interpretation based on secular ideology; and from meaning and expressions of the secular*[22], dalam pengertian bahwa ilmu pengetahuan tidak bebas nilai dengan merujuk pada surah Al-Alaq ayat 1-5 yang disimpulkan bahwa Allah adalah sumber dan azali ilmu manusia.

Maka jika pemikiran para sarjana Barat mengatakan ilmu adalah bebas nilai *(value free)* tentu dinafikan oleh Islam. Hal ini disebabkan ilmu pada dasarnya adalah sarat nilai *(value laden)*, sehingga Islam berpandangan bahwa ilmu sesuatu yang universal dan menyatu, tidak ada dikotomi antara ilmu dan agama (Islam). Sehingga netralitas (*value fee*) suatu Ilmu pengetahuan pada dasarnya tidak dapat diterima dalam logika berpikir yang sehat ketika manusia sebagai makhluk yang diciptakan. Bahkan

---

[18] Sekularisme secara etimologi berasal dari kata *saeculum* (greek) yang memiliki arti tentang waktu tertentu atau tempat tertentu, atau lebih tepatnya menunjukkan kepada waktu sekarang dan di sini, dunia ini. Maka *saeculum* hampir sama dengan *wordly* (Duniawi). Sekularisme secara terminologi diartikan sebagai sebuah konsep yang memisahkan antara negara dan agama (*state and religion)*, juga diartikan sebagai pemisahan semua aspek kehidupan duniawi dan agama.

[19] Nietzsche, Friedrich Wilhelm. (1974). *The Gay Science* (abbr. *GS*). New York: Vintage Books; lihat juga Heidegger, Martin. (1977). The Word of Nietzsche: God is Dead. *The Questions Concerning Technology and Other Essays*. New York: Harper & Row.

[20] Tibi, Bassam. (1991). *Islam and Cultural Accommodation of Social Change*. Bolder Westview Press

[21] Al-attas, *op cit*

[22] *Ibid*

kebohongan dan kemunafikan para ilmuan Eropa/barat terlihat ketika mereka menekankan netralitas ilmu, sementara mereka memasukkan nilai-nilai peradaban dan budaya mereka (baca: Eropa/Barat) pada sistem, konsep, metode dan pengajaran pada institusi-institusi pendidikan. Ini juga dipaksakan penerapannya pada sistem pendidikan bekas negara-negara jajahan mereka.

al-Din Khalil mengkritik pemikiran para ilmuan sekuler tentang ilmu pengetahuan dengan mengemukakan bahwa, Islamisasi ilmu pengetahuan sesuatu konsep yang jelas dalam memahami dan memaknai sebuah ilmu pengetahuan, karena hakikatnya adalah untuk mengaplikasikan aktivitas intelektual berdasarkan konsep Islam dari alam semesta. Ini mencakup dalam mengemukakan, menyusun, mengkomunikasikan sampai pada suatu proses penerbitan[23] karya-karya ilmiah. Al-Alwani berpendapat Islamisasi ilmu pengetahuan sebagai sebuah metodologi yang menghubungkan ilmu pengetahuan dan sumber-sumbernya, serta penelaahan intelektual dari perspektif pandangan Islam tentang manusia, kehidupan dan alam semesta. Islamisasi ilmu pengetahuan bukan hanya sebagai kamuflase dari terminologi agama atau hanya menghubungkan sesuatu yang relevan dengan ayat Alqur'an, namun ilmu pengetahuan harus didasarkan pada nilai-nilai tauhid[24]. Sehingga Islamisasi ilmu pengetahuan dapat memberikan makna dan menghadirkan ilmu dalam sebuah kerangka ontologi dan epistemologi Islam dengan menggunakan metodologi yang dibawa dari nilai ke-Islaman[25].

Maka dengan demikian, ketika konsep Islamisasi ilmu pengetahuan diaplikasikan dalam sistem pendidikan dan kurikulum, akan melahirkan generasi muda Islam yang memiliki moralitas, sprituallitas dan keilmuan yang kuat. Bahkan lebih jauh akan memberikan kontribusi positif dalam memperbaiki kehidupan dan kemanusian pada seluruh ummat Islam. Disamping itu, kemampuan intelektual dan profesionalitas yang dimiliki para generasi muda Islam dapat berkompetisi sejajar dengan para ilmuan di negara-negara maju[26].

ISLAMISASI KURIKULUM SUATU KEBUTUHAN

Konteks Islamisasi kurikulum pada dasarnya adalah upaya mengintegrasikan antara disiplin ilmu pengetahuan modern dengan nilai-nilai warisan Islam (ajaran dan peradaban Islam). Upaya yang dilakukan

---

[23] Imad al Din Khalil,. (1991). *Islamization of Knowledge: A Methodology*, Herndon VA & London, UK, IIT

[24] Al-Alwani, Taha Jabir. (1995). Islamization of Knowledge: Yesterday and Today. American Journal of Islamic Social Science. Vol. 12, No. 1.

[25] Haneef, Mohamed Aslam. (2005). *A critical survey of Islamization of knowledge*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.

[26] Al Migdadi, Mahmoud Hamid. (2011). Issues in Islamization of Knowledge, Man and Education*, Revue Académique des sciences humaines et sociales*, No. 7.

adalah menekankan pemahaman kepada para ilmuan, intelektual, tenaga pendidik Islam, bahwa disamping memahami ilmu pengetahuan modern (konvensional) mereka juga harus dapat memahami ilmu pengetahuan dari warisan Islam. Sehingga proses pembelajaran pada institusi perguruan tinggi dapat mensinkronkan pemahaman mahasiswa terhadap nilai positif dan negatif dari suatu disiplin ilmu yang dipelajari.

Mahasiswa dibawa pada suatu proses berfikir secara objektif dan komprehensif dalam menilai suatu ilmu yang mereka pelajari dari sudut pandang kritis dalam membandingkan hasil pemikiran para sarjana barat dan Islam mengenai ilmu pengetahuan yang mereka pelajari.

Upaya ini adalah salah satu bentuk pengintegrasian antara ilmu dan agama (warisan keilmuan Islam) dalam proses perkuliahan di perguruan tinggi. Namun proses pengintegrasian ini tentu membutuhkan tenaga pendidik yang memiliki kemauan dan keinginan dalam menggali, mempelajari, menganalisa, dan memahami kembali ilmu pengetahuan yang bersumber dari warisan/peradaban Islam dalam kerangka epistemologi (konsep ilmu) dan teologi (Ketuhanan).

Proses mengintegrasikan kurikulum dalam kerangka Islam tentu membutuhkan sebuah perhatian serius dan sistematis dari semua pihak, khususnya pembuat dan pelaksana kebijakan, sehingga akan melahirkan para sarjana-sarjana yang memiliki ilmu pengetahuan, keahlian, moralitas, dan spritualitas dalam memenuhi kebutuhan dunia kerja[27]. Dalam merealisasikan pengintegrasian antara ilmu pengetahuan dan agama[28] dalam suatu kurikulum yang disusun, diperlukan suatu eksplorasi yang komprehensif dari tenaga pendidik (Dosen) memahami Al-Qur'an, Hadis, fiqih, sejarah Islam, dan peradaban Islam melalui hasil pemikiran dari para ilmuan/ulama Islam[29] tradisional dan modern. Sehingga pada saat proses belajar-mengajar dilakukan, tenaga pendidik dapat mengkolaborasikan antara ilmu pengetahuan modern[30] dan ilmu pengetahuan agama dalam satu kesatuan.

Ketika materi pengajaran dalam ilmu pengetahuan modern disampaikan kepada peserta didik (mahasiswa), maka perlu dilakukan usaha mereviu, mengevaluasi, memodifikasi, mengasimilasi, bahkan menghilangkan dasar-dasar pemikiran ilmu yang tidak sejalan dan bertentangan dengan nilai-nilai ke-Islaman.

---

[27] Ruzita Mohd. Amin, Selamah Abdullah Yusof and Mohamed Aslam Haneef. The Effectiveness of an Integrated Curriculum: The Case of the International Islamic University Malaysia. 8th International Conference on Islamic Economics and Finance – Sustainable Growth and Inclusive Economic Development from and Islamic Perspective. Doha – Qatar, 10th – 20th December 2011.
[28] Al-qur'an, Hadist, Fiqh, Ushul Fiqh
[29] Al-Ghazali, Ibn Sina, Ibn Khaldun, Al Biruni, dll
Seluruh adegan sejarah dalam konteks berbangsa dan bernegara yang dijalankan Nabi di Madinah mencerminkan sebuah kosmopolitanisme peradaban tercanggih yang oleh Robert N Bellah dalam bukunya *Beyond Belief* dikatakan modern, bahkan terlalu modern untuk ukuran Timur Tengah waktu itu. Kosmopolitanisme peradaban Islam muncul dalam sejumlah unsur dominan, seperti hilangnya batasan etnis, kuatnya pluralitas budaya, dan heterogenitas politik. Kosmopolitanisme itu bahkan menampakkan diri dalam unsur dominan yang menakjubkan, yakni kehidupan beragama yang eklektik selama berabad-abad. Dalam konteks inilah, warisan Nabi dalam penciptaan peradaban Madinah menjadi dasar utama lahirnya kosmopolitanisme peradaban Islam. Pernyataan Bellah yang menyebut Madinah sebagai kota modern, bahkan sangat modern untuk ukuran zaman waktu itu, karena kondisi sosiologis-geografis waktu itu, struktur Timur Tengah belum mampu menopang struktur kosmopolitan Madinah yang ditampilkan Nabi Muhammad. Tak salah juga kalau sejarawan agung Arnold J Toynbee menyebut peradaban Islam kala itu sebagai *oikumene* (peradilan dunia) Islam. *Oikumene* Islam ini, lanjut Toynbee, adalah salah satu di antara enam belas *oikumene* yang menguasai dunia. Jejak kosmopolitanisme peradaban Islam dalam membentuk pencerahan di Timur Tengah menjadi jejak utama lahirnya pencerahan di Barat kemudian.[60]

Secara lebih eksplisit, moralitas Islam dalam proses perubahan masyarakat mengambil ruang yang tidak terbatas. Prinsip-prinsip yang dipromosikan Islam dapat melintasi ruang dan waktu meskipun perlu dilakukan pengkajian dan pemahaman ulang. Hal ini memungkinkan moralitas itu tetap sesuai dengan perubahan yang terjadi. Dalam mengawal proses perubahan masyarakat, Islam meletakkan prinsip-prinsip dasar. Penulis mengambil dua prinsip yang dianggap paling penting yaitu prinsip-prinsip dalam bidang

---

[59] Nouruzzaman Shiddiqi, *Jeram-Jeram,* 291-293.

[60] Lihat Muhammad Qorib, "Spirit Kosmopolitanisme", dalam *Harian Republika* 19 Desember 2009.

ekonomi dan prinsip-prinsip dalam bidang politik. Beberapa prinsip lain juga sebenarnya tidak kalah pentingnya, namun karena pertimbangan ruang pembahasan yang agak terbatas dan kebutuhan yang bersifat *ad hoc* maka prinsip-prinsip itu tidak penulis kemukakan.

Pertama, prinsip-prinsip dalam bidang ekonomi. Mencari rezeki dalam Islam merupakan bagian tak terpisahkan dari mata rantai beribadah kepada Allah. Islam menepis anggapan kebanyakan orang bahwa agama ini memberikan penolakan yang demikian besar terhadap ranah ekonomi. Justru sesungguhnya Islam amat menganjurkannya.

Dalam menjalankan roda ekonomi diperlukan etika agar dapat menyelamatkan umat manusia dan tidak dibenarkan mengorbankan orang lain. Manusia diperintahkan Allah untuk mencari rezeki bukan hanya yang mencukupi kebutuhannya, namun Alquran juga memerintahkan untuk mencari apa yang diistilahkan dengan *fadhl Allah*, yang secara harfiah dipahami dengan "kelebihan yang bersumber dari Allah". Salah satu ayat yang menguraikan hal ini dapat dilihat berikut ini: *"Apabila kamu telah selesai shalat maka bertebaranlah di bumi dan carilah fadhl Allah…" (QS. Al-Jumu'ah/ 62: 9)*. Kelebihan tersebut dimaksudkan antara lain agar yang memperoleh dapat melakukan ibadah secara sempurna serta mengulurkan tangan bantuan kepada pihak lain yang oleh karena satu sebab dan lain sebab tidak berkecukupan. Ayat tersebut demikian tegas menjelaskan bahwa dalam harta yang dimiliki seseorang tersimpan hak orang lain yang mesti ditunaikan.[61]

Islam juga menjelaskan bahwa keseimbangan dalam berekonomi mutlak diperlukan. Keseimbangan akan mengantarkan kepada pencegahan segala bentuk monopoli dan pemusatan kekuatan ekonomi pada satu tangan atau satu kelompok. Dengan kata lain, Islam menolak tegas bentuk kapitalisme. Atas dasar ini pula Alquran mengkritik dengan amat tegas daur sempit yang menjadikan kekayaan hanya berkisar pada orang-orang atau kelompok tertentu*, "Supaya harta itu tidak beredar pada orang-orang kaya saja di antara kamu…" (QS. Al-Hasyr/ 59: 7)*. Dari sini juga datang larangan penimbunan dan pemborosan barang. Hal ini tercermin dalam *QS. Al-Taubah/ 9: 34* yang memberikan ancaman sedemikian keras kepada para penimbun barang.

Nabi Muhammad juga menegaskan dalam sebuah hadis: *"Siapa yang menimbun makanan selama empat puluh hari, dengan tujuan menaikkan harga, maka ia telah berlepas diri dari Allah dan Allah juga berlepas diri darinya*." Ayat dan hadis tersebut oleh sementara pakar dijadikan dasar pemberian wewenang kepada penguasa untuk mencabut hak milik perusahaan spekulatif yang melakukan penimbunan, penyelundupan, dan

61 M. Quraish Shihab, *Wawasan Al-Quran,* 403.

yang mengambil keuntungan secara berlebihan, karena penimbunan menyebabkan kenaikan harga yang tidak semestinya.[62]

Islam juga melarang perilaku riba. Kata riba dari segi bahasa berarti "kelebihan". Kalau kita hanya berhenti pada makna harfiah ini, maka logika yang dikemukakan para penentang riba pada masa Nabi dapat dibenarkan. Ketika itu mereka berkata bahwa jual beli sama saja dengan riba *(QS. Al-Baqarah/ 2: 275).* Allah menjawab mereka dengan tegas bahwa Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Dalam Alquran, kata riba terulang sebanyak delapan kali. Upaya memahami apa yang dimaksud dengan riba adalah dengan mempelajari ayat-ayat yang turun di Madinah, atau lebih khusus lagi kata kunci pada ayat-ayat tersebut yaitu: *adh'afan mudha'afah* (berlipat ganda). Ulama seperti Muhammad Rasyid Ridha memahami bahwa riba yang diharamkan Alquran hanya riba yang berlipat ganda. Lipat ganda yang dimaksud di sini adalah "pelipatgandaan yang berkali-kali".[63]

Kedua, prinsip-prinsip dalam bidang politik. Dalam kamus bahasa Arab modern, kata politik biasanya diterjemahkan dengan kata *siyasah*. Kata ini terambil dari akar kata *sasa-yasusu* yang biasa diartikan dengan mengemudi, mengendalikan, mengatur dan sebagainya.

Dalam Alquran tidak ditemukan kata yang terbentuk dari akar kata *sasa-yasusu*, namun bukan berarti Alquran tidak menguraikan persoalan politik. Sekian banyak ulama Alquran menyusun karya ilmiah dalam bidang politik dengan merujuk pada Alquran dan sunnah Nabi. Bahkan Ibnu Taimiyah (1263-1328) menamai salah satu karya ilmiahnya dengan *Al-Siyasah al-Syar'iyyah* (Politik Keagamaan).

Uraian Alquran tentang politik secara sepintas dapat ditemukan pada ayat-ayat yang memiliki akar kata *hukm*. Kata ini pada mulanya berarti "menghalangi" atau "melarang dalam rangka perbaikan". Dari akar kata itu muncul kata hikmah yang pada mulanya berarti kendali. Makna ini sejalan dengan asal makna *sasa-yasusu-sais-siyasat*, yang berarti "mengemudi, pengendali dan cara pengendalian".[64]

Kekuasaan politik dianugerahkan Allah kepada manusia. Penganugerahan ini dilakukan melalui ikatan perjanjian. Ikatan ini terjalin antara sang penguasa dengan Allah di satu pihak dan dengan masyarakat di pihak lain.

Perjanjian dengan Allah di dalam Alquran disebut dengan *'ahd*. Ada pun perjanjian dengan masyarakat disebut dengan *bai'at*. Perjanjian itu disebut dengan *amanat* dan harus dilaksanakan. Dari sini tidak heran jika perintah taat kepada penguasa *(uli al-amr)* didahului oleh perintah menunaikan amanah *(QS. Al-Nisa' 4: 58-59).*

---

[62] M. Quraish Shihab, *Wawasan Al-Quran,* 411-412.
[63] M. Quraish Shihab, *Wawasan Al-Quran,* 413-414.
[64] M. Quraish Shihab, *Wawasan Al-Quran,* 416-417.

Surah Al-Nisa' ayat 58-59 dinilai oleh para ulama sebagai prinsip-prinsip pokok yang menghimpun ajaran Islam tentang kekuasaan dan pemerintahan. Bahkan Rasyid Ridha berpendapat bahwa seandainya tidak ada ayat lain yang berbicara tentang hal pemerintahan, maka ayat ini telah memadai. Sementara *amanat* berkaitan dengan banyak hal, salah satu di antaranya adalah perlakuan adil. Keadilan yang dituntut ini bukan hanya terhadap kelompok, golongan, atau kaum Muslim saja, tetapi mencakup seluruh manusia bahkan seluruh makhluk.[65]

Ayat-ayat Alquran yang terkait dengan hal ini amat banyak, salah satu di antaranya berupa teguran kepada Nabi Muhammad yang hampir saja menyalahkan seorang Yahudi karena terpengaruh oleh pembelaan keluarga seorang pencuri. Dalam konteks ini turun firman Allah*: "Dan janganlah kamu menjadi penentang orang-orang yang tidak bersalah karena (membela) orang-orang yang khianat (QS. Al-Nisa'/ 4: 105)*.

Berkaitan dengan amanat yang dibebankan kepada para penguasa, ditekankan kewajiban ketaatan masyarakat terhadap mereka. Namun perlu dicermati bahwa ketaatan kepada para penguasa *(uli al-amr)* tidak pernah berdiri sendiri namun berkaitan dengan ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya. Dengan kata lain, *uli al-amr* dapat diikuti selama mereka menetapi peraturan-peraturan yang berlaku. Namun apabila perintah mereka bertentangan dengan nilai-nilai yang terkandung dalam ajaran Islam maka tidak dibenarkan untuk taat kepada mereka. Dalam sebuah kaidah populer dijelaskan: *"Tidak dibenarkan adanya ketaatan kepada seorang makhluk dalam kemaksiatan kepada Khaliq (Allah)"*.[66] Dapat dilihat bahwa ketaatan yang diajarkan Islam bukan ketaatan literal melainkan ketaatan bersyarat. Jika syarat terpenuhi maka ketaatan itu dapat dilaksanakan.

Dengan demikian, proses transformasi masyarakat cukup riskan jika menegasikan agama. Agama tidak hendak menjadi faktor penghambat, justru institusi sakral ini memberikan acuan moral agar proses perubahan tetap terarah dan tidak melahirkan konsekuensi negatif bagi manusia sebagai subjek perubahan.

Pengalaman Barat yang cukup pahit memberi hikmah cukup berharga kepada kita. Betapa arogansi kemanusiaan yang berlebihan dengan mengabaikan Tuhan (baca: agama) malah melahirkan petaka bagi manusia itu. Ajaran agama dalam keadaan bagaimana pun tetap berfungsi sebagai pelita yang tidak akan mencederai manusia. Mispersepsi manusia terhadap agama lebih karena disebabkan kurangnya pemahaman terhadap agama secara komprehensif, ditambah lagi berbagai kepentingan yang melekat *(vested interest)* memainkan andil secara dominan. Kondisi demikian menyebabkan agama banyak melahirkan kekecewaan untuk kemudian

---

[65] M. Quraish Shihab, *Wawasan Al-Quran,* 425-426.
[66] M. Quraish Shihab, *Wawasan Al-Quran,* 427.

ditinggalkan banyak orang. Tentu saja, agama yang dapat mengawal proses perubahan masyarakat adalah agama yang lekat dan dekat dengan berbagai kepentingan masyarakat, bukan sebuah agama yang elitis dan terpisah dari kehidupan konkrit. Semoga bermanfaat. *Wa Allah a'lam.*

REFERENSI

Alexander, David E.dan Rhodes W. Fairbridge, ed. (1999). "Thomas Henry Huxley (1825-1895)" dalam *Encyclopedia of Environmental Sciences.* Doordreecht: Kluwer Academic Publishers.

Cox, Harvey (1966). *The Secular City: Secularization and Urbanisazion in Theological Perspective.* Macmillan.

Halman, Loek dan Ole Riis, ed. (2003). *Religion in Secularising Society: The Europen Religion at the End of the 20th Century.* Leiden: Brill.

Hanafi, Hassan. (t.t.) *Al-Yamin wa al-Yasar fi al-Fikr al-Din.* Kairo: Madbuli.

Hidayat, Komaruddin (2003). *Wahyu di Langit dan Wahyu di Bumi: Doktrin dan Peradaban Islam di Panggung Sejarah.* Jakarta: Paramadina.

Hidayat, Komaruddin dan Muhammad Wahyuni Nafis (2003) *Agama Masa Depan: Perspektif Filsafat Perennial.* Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama.

Ibnu Taimiyah (1951). *Al-Siyasah al-Syar'iyah.* Mesir: Dar al-Kitab al-Arabi.

Iqbal, Muhammad (1963). *Tajdid al-Fikr al-Din.* Kairo: Al-Nahdhah.

Madjid, Nurcholish (2000). *Islam Doktrin dan Peradaban: Sebuah Telaah Kritis tentang Masalah Keimanan, Kemanusiaan dan Kemodernan. Cet. Ke-4.* Jakarta: Paramadina.

Maksum, Ali (2013). "Spiritualitas Abad Modern: Reposisi Islam dalam Kancah Kebangkitan Agama". (dikutip dari: http.www.arsip.masjid.telkom.co.id [home page on-line]: Internet (diakses tanggal 14 April 2013 pukul 17.53 WIB).

Naisbitt, John dan Patricia Aburdene (1990). *Megatrends 2000: New Directions for Tomorrow.* London: Siddwick & Jackson.

Nasr, Seyyed (2000). *Islam and The Plight of Modern Man.* Virginia: ABC International Group.

Qorib, Muhammad (2009). "Spirit Kosmopolitanisme". Dalam *Harian Republika* 19 Desember .

Schumacher, E.F. (2011). *A Guide for the Perplexed.* Random House.

Streeten, Paul (2001). *Globalisation: Threat and Opportunity.* Michigan: Copenhagen Business School Press.

Shihab, Alwi (1998). *Islam Inklusif: Menuju Sikap Terbuka dalam Beragama.* Bandung: Mizan.

Shihab, M. Quraish (1996). *Wawasan Al-Qur'an: Tafsir Maudhu'i atas Berbagai Persoalan Umat.* Bandung: Mizan.

.... (2006). *Tafsir Al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Qur'an, Vol. 1.* Jakarta: Lentera Hati.

.... (2006). *Tafsir Al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Qur'an, Vol. 2.* Jakarta: Lentera Hati.

Shiddiqi, Nouruzzaman (1996). *Jeram-Jeram Peradaban Islam.* Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Thoyyar, Husni (2013). "Agama dan Pembangunan". (dikutip dari: http://huznithoyyar.blogspot.com/ [home page on-line]: Internet (diakses tanggal 15 April 2013 pukul 06.08 WIB).

ISLAMISASI PEMBANGUNAN DI MALAYSIA: KES PENDEKATAN ISLAM HADHARI[67]

Mohd Shukri Hanapi[68]
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang
Email: hshukri@usm.my / hshukeri@yahoo.com

PENDAHULUAN

Fenomena kebangkitan Islam yang berlaku di sebahagian besar dunia Islam sekitar tahun 1970-an dan 1980-an merupakan antara faktor utama yang menjadi pencetus kepada munculnya proses Islamisasi pembangunan di Malaysia selain faktor sejarah dan perlembagaan yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi di Malaysia (Ibrahim Ahmad, 1989). Hal ini ditambah pula dengan faktor desakan daripada gerakan Islam termasuklah Parti Islam Se-Malaysia (PAS) supaya Kerajaan kembali kepada Islam (Musafir Kelana, Mohd Izani Mohd Zain & Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, 2006:607).

Situasi yang berlaku ini telah menimbulkan kebimbangan dalam UMNO (parti pemerintah). Jika UMNO tidak bertindak balas terhadap desakan kembali kepada Islam, situasi ini sedikit sebanyak boleh mengancam kelansungannya dalam menerajui pemerintahan negara. Oleh sebab itu, Kerajaan telah memberi reaksi positif terhadap faktor-faktor tersebut (Ibrahim Ahmad, 1989). Misalnya, sebaik sahaja Mahathir Mohammad (Tun Dr.) dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat menggantikan Hussein Onn (Tun) pada 1 Julai 1981, beliau telah berusaha melaksanakan dasar yang meletakkan Islam sebagai agenda utama dalam pentadbiran negara. Hasilnya pada tahun 1982, Kerajaan telah berjaya memperkenalkan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam (DPNI)[69] (Jabatan Perdana Menteri, 2007)

---

[67] Kertas kerja yang dibentangkan di *International Conference on Islamic Development* (ICID) ke-5, anjuran Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU) Medan, dengan kerjasama Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang, pada 23 April 2013, di Hotel Madani, Medan, Sumatera Utara, Indonesia.

[68] Mohd Shukri Hanapi, Ph.D ialah Pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (PPSK), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

[69] Dalam pelaksanaan DPNI ini, Mahathir Mohammad dengan tegas mengingatkan pelaksanaan dasar ini tidak seharusnya menimbulkan keraguan mana-mana pihak. Nilai-nilai seperti beramanah, jujur, bertanggungjawab, ikhlas, cekap, berdedikasi, tekun, bersih, berdisiplin dan sebagainya merupakan nilai-nilai sejagat yang seharusnya boleh diterima oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira agama dan keturunan. Nilai-nilai tersebut merupakan landasan untuk menegakkan sebuah

yang memberi penekanan kepada Islam sebagai agama yang sangat bertoleransi dan sangat mengutamakan nilai-nilai dan sifat-sifat murni dalam kalangan penganutnya (INTAN, 1991:xvii). Dengan ini membolehkan Kerajaan turut serta dalam arus kebangkitan Islam dan seterusnya menjamin kelangsungan kuasa pemerintahan negara (Ibrahim Ahmad, 1989).

Sebenarnya, hal ini memulakan satu era baru apabila Malaysia mula dikenali oleh masyarakat dunia sebagai sebuah negara Islam berbanding dengan era kepimpinan sebelumnya (Hussin Mutalib, 1993; Ahmad Fadhli Shaari, 2001)[70]. Menurut Muhammad Redzuan Othman & Amin Fadlillah (2012), perbezaan yang ketara antara era kepimpinan Mahathir Mohammad dengan era kepimpinan Perdana-perdana Menteri sebelumnya terletak pada pendekatan mereka melaksanakan dasar-dasar Islam. Inilah julung kalinya seorang pemimpin negara mengisytiharkan secara terbuka dasar baru berhubung kedudukan dan peranan Islam dalam masyarakat yang merangkumi bidang ekonomi, pentadbiran, politik, undang-undang, pendidikan, sains dan teknologi di Malaysia.

Usaha Kerajaan melaksanakan agenda Islam ini sebenarnya mendapat kritikan daripada gerakan Islam yang lain termasuk Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Dalam hal ini, PAS berpendapat usaha Kerajaan itu hanyalah bersifat *jibayah* (atas desakan) bukan atas dasar *hidayah* (petunjuk daripada Allah SWT). Meskipun begitu, Kerajaan Malaysia tetap melaksanakan proses Islamisasi pembangunan tersebut, malah ia makin rancak. Antara agenda Islam yang diperkenalkan oleh Kerajaan ialah penubuhan institusi-institusi agama Islam seperti Pusat Penyelidikan Islam, Institut Dakwah dan Latihan Islam, dan menaiktaraf urusetia Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam kepada satu bahagian penuh di Jabatan Perdana Menteri (Musafir Kelana, Mohd Izani Mohd Zain & Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, 2006:605-606). Usaha-usaha ini memperlihatkan inisiatif Kerajaan melebarkan ruang Islamik dalam dasar dan hal ehwal Islam.

Walaupun agenda Islam rancak dilaksanakan, Malaysia tidak diuar-uarkan sebagai sebuah Negara Islam sehinggalah satu kenyataan yang dibuat oleh Mahathir Mohammad sewaktu berucap di majlis perasmian Perhimpunan Parti Gerakan pada 29 September 2000. Pada ketika itu Mahathir Mohammad mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Ramai yang melihat pengiktirafan tersebut sebagai jawapan kepada beberapa pihak

---

negara merdeka yang cekap dan maju, boleh mentadbir secara berkesan dan boleh bersaing dengan negara-negara maju (INTAN, 1991:xvii).

[70] Hussin Mutalib (1990) menyatakan proses Islamisasi di Malaysia sebenarnya bermula sebelum Mahathir Mohammad menjadi Perdana Menteri Malaysia keempat pada tahun 1981. Sewaktu beliau menjawat jawatan Menteri Pelajaran, beberapa perubahan khususnya dalam memperbaiki tahap Pendidikan Islam di sekolah-sekolah telah dilaksanakan dengan penubuhan Panel Penasihat Pendidikan Islam pada tahun 1974 dan peruntukan sebanyak RM22 juta untuk mempertingkatkan kemahiran guru-guru Pendidikan Islam di Malaysia.

terutamanya PAS yang sentiasa mempertikaikan status Malaysia sebagai sebuah negara Islam (Musafir Kelana, Mohd Izani Mohd Zain & Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, 2006:608-609)[71].

Setelah Mahathir Mohammad melepaskan jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003, proses Islamisasi pembangunan di Malaysia ini disambung dan diteruskan oleh penggantinya iaitu Abdullah Ahmad Badawi (Tun). Proses Islamisasi pembangunan era Abdullah Ahmad Badawi diketengahkan melalui pendekatan Islam Hadhari, iaitu satu pendekatan untuk membangunkan tamadun dan peradaban umat yang berteraskan syariat dan landasan Islam (Abdullah Ahmad Badawi, 2007; Jabatan Perdana Menteri, 2007). Pendekatan ini merupakan penambahbaikan kepada DPNI kerana konsep pendekatannya yang lebih komprehensif dan menyeluruh berdasarkan peradaban. Pendekatan yang tidak terlalu politikal dan tidak memberi penekanan kepada aspek hukum seperti PAS ini berhasrat menjadikan Malaysia sebagai model bagi membangunkan masyarakat yang berteraskan tamadun Islam melalui penguasaan ilmu dan pembangunan modal insan yang terancang (Muhammad Syukri Salleh, 2005a:151; Abdullah Ahmad Badawi, 2007).

Setakat ini didapati Malaysia sekadar melaksanakan pembangunan secara Islamisasi. Hal ini termasuklah pendekatan Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Abdullah Ahmad Badawi. Persoalannya, apakah yang dimaksudkan dengan Islamisasi pembangunan? Kenapakah pendekatan Islam Hadhari itu dikatakan sebagai salah satu daripada proses Islamisasi pembangunan? Kenapakah Malaysia tidak melaksanakan pembangunan yang melibatkan proses pembungkihan akar umbi sistem dan meruntuhkan struktur sedia ada? dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan pendekatan Islam Hadhari itu tidak dapat diteruskan?

Bagi menjawab semua persoalan ini, perbincangan dalam kertas kerja ini difokus kepada empat perkara utama. Pertama, membincangkan maksud Islamisasi pembangunan dan proses Islamisasi pembangunan di Malaysia. Kedua, membincangkan sebab-sebab yang mendorong Malaysia memilih proses Islamisasi pembangunan berbanding proses pembungkihan akar umbi sistem dan meruntuhkan struktur sedia ada. Ketiga, membincangkan unsur-unsur yang membuktikan pendekatan Islam Hadhari itu sebagai salah satu daripada proses Islamisasi pembangunan. Keempat, membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan pendekatan Islam Hadhari itu tidak dapat diteruskan.

[71] PAS termasuk *Demoratic Action Party* (DAP) menolak pengiktirafan tersebut. DAP misalnya membantah dengan menjalankan kempen No. 929 yang merujuk kepada September 29 iaitu tarikh Malaysia diiktiraf sebagai negara Islam.

MAKSUD ISLAMISASI PEMBANGUNAN

Islamisasi (*Islamiyyah* atau *Islamization*) merupakan satu proses mengIslamkan sesuatu dengan memasukkan nilai-nilai suci yang terdapat dalam ajaran Islam. Akhiran 'si' pada perkataan Islamisasi itulah yang membuktikan ia merupakan satu proses sebagaimana akhiran 'isme' yang merujuk kepada ideologi (Ahmad Fadhli Shaari, 2001). Hampir sama dengan definisi Ahmad Fadhil Shaari (2001) ini ialah definisi yang dikemukakan oleh Hassan Langgulung (1998). Menurut beliau, Islamisasi bermaksud penerapan nilai-nilai Islam dalam sesuatu perkara dengan cara meletakkan sesuatu perkara itu dalam rangka konsep Islam. Secara lebih mudah, Islamisasi adalah satu proses mengislahkan atau memurnikan kembali keseluruhan gagasan, struktur, matlamat dan rekabentuk sesuatu perkara supaya kembali kepada ajaran tauhid.

Kedua-dua definisi ini sebenarnya sekadar menjelaskan Islamisasi itu sebagai satu proses mengislahkan dan memurnikan sesuatu perkara yang tidak selari dengan Islam terutamanya dari aspek operasionalnya yang mencakupi nilai-nilai, teori-teori, peralatan, kaedah-kaedah pelaksanaan, struktur, matlamat dan rekabentuknya.

Secara lebih terperinci lagi, Muhammad Syukri Salleh (2000:163) menyatakan Islamisasi itu merupakan satu kaedah mengIslamkan sesuatu yang wujud secara beransur-ansur, bukan secara sekali gus dan drastik tanpa membungkihkan akar umbi sistem dan meruntuhkan struktur yang wujud itu. Kebiasaannya ia dilakukan secara akomodatif dan kadangkala terpaksa berbentuk apologetik. Menurut Muhammad Razak Idris (2011), perubahan yang berlaku secara beransur-ansur ini dikatakan antara sifat unik dan istimewa proses Islamisasi.

Apabila proses Islamisasi ini diterapkan terhadap pembangunan, maka berlakulah Islamisasi pembangunan (*Islamiyyah al-Tanmiyyah* atau *Islamization of development*). Ia merupakan satu kaedah penggantian unsur-unsur pembangunan lazim yang tidak selari dengan Islam dengan unsur-unsur pembangunan berteraskan Islam. Pelaksanaannya yang secara beransur-ansur itu tidak bermula dari akar umbi Islam sebaliknya struktur pembangunan Barat dikekalkan. Proses pengIslamisasian pembangunan Barat dilakukan dengan harapan agar kaedah ini berupaya membentuk dan menggantikan sistem dan struktur konvensional yang sedia ada dengan sistem dan struktur Islam sepenuhnya. Akhirnya, proses pengIslamisasian pembangunan ini dikatakan dapat membentuk model pembangunan berteraskan Islam.

Pemikiran pengIslamisasian pembangunan ini sebenarnya telah lama wujud. Misalnya, dalam ekonomi Islam ia dikenali sebagai aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik. Pendekatan akomodatif-modifikasi merujuk kepada pendekatan yang bersedia menerima

dan memperbaiki pemikiran ekonomi bukan Islam untuk menjadikannya sebagai ekonomi Islam. Eklektisme-metodologik pula merujuk kepada pendekatan yang fleksibel, memilih-milih perkara yang dirasakan baik dari pelbagai sumber dan menggunakannya secara kolektif dalam ekonomi Islam. Pendekatan akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik ini memberikan hujah bahawa sumbangan daripada sumber-sumber disiplin lain seperti teori Neo-Klasikal patut diterima (Muhammad Syukri Salleh, 2011:275-276).

Hujah logik yang sering dikemukakan oleh pemikir-pemikir daripada aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik ini adalah sebagaimana yang dikemukakan oleh Mohammad Umar Chapra (2001) dan Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002). Menurut Mohammad Umar Chapra (2001:39), ekonomi Islam boleh mengguna pakai teori-teori ekonomi konvensional sekiranya teori-teori ini tidak bertentangan dengan struktur logik pandangan hidup (*worldview*) Islam. Begitulah juga dengan pandangan Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002). Bagi beliau, ekonomi Islam sebagai gabungan unik antara prinsip syariah dengan ekonomi konvensional. Selagi konsep dan prinsip ekonomi konvensional tidak bertentangan dengan prinsip Islam, maka ia boleh diadaptasi dalam ekonomi Islam (dipetik daripada Muhammad Syukri Salleh, 2011:276).

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2011:277), kewujudan pendekatan akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik ini sebenarnya sebagai akibat daripada kecelaruan para pendukungnya tentang perbezaan antara peringkat falsafah dengan peringkat operasional ekonomi Islam itu sendiri. Peringkat falsafah ekonomi Islam mencakupi komponen-komponen yang menjadikan terbinanya kerangka ekonomi Islam. Dalamnya terkandung tasawur, dasar falsafah dan definisi konsep-konsep ekonomi Islam. Peringkat operasional ekonomi Islam pula mencakupi nilai-nilai, teori-teori, peralatan, dan kaedah-kaedah pelaksanaan ekonomi Islam. Ia merupakan komponen-komponen yang membolehkan ekonomi Islam itu direalisasikan. Antara kedua-dua peringkat ini, tunjangnya adalah peringkat falsafah, manakala komponen-komponen dalam peringkat operasional akan terbentuk mengikut tunjang falsafahnya. Jika hanya komponen-komponen dalam peringkat operasional yang dipilih-pilih, diakamodasi dan seterusnya dimodifikasi mengikut Islam sedangkan kerangkanya di peringkat falsafah dibiarkan tetap bertunjangkan kepada kerangka ekonomi konvensional, maka komponen-komponen dalam peringkat operasional tersebut tidak akan menjadi Islam secara hakiki.

Dalam konteks pengamalan di Malaysia, Islamisasi pembangunan ini bermaksud proses penerapan nilai-nilai suci yang terkandung dalam ajaran Islam secara berperingkat-peringkat dalam segenap aspek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia. Tujuannya adalah untuk menghasilkan modal insan yang berkualiti yang natijahnya akan melahirkan masyarakat yang cemerlang dari segenap aspek, baik dari sudut material

mahupun spiritual (Ahmad Fadhil Shaari, 2001). Maksudnya, dengan menghayati nilai-nilai Islam ini, secara tidak langsung seseorang insan itu mampu membentuk kekuatan spiritual dalam dirinya. Seterusnya dengan kekuatan tersebut mampu puka menjana kemajuan dari sudut material.

Berdasarkan maksud Islamisasi pembangunan yang dibincangkan ini, didapati Islamisasi pembangunan itu mempunyai tiga ciri utama. Pertama, penggantian unsur-unsur pembangunan lazim yang tidak selari dengan Islam dengan unsur-unsur pembangunan berteraskan Islam; kedua, dilaksanakan secara beransur-ansur tanpa membungkihkan dan meruntuhkan struktur pembangunan lazim yang sedia ada; dan ketiga, dilakukan secara akomodatif dan berbentuk apologetik. Semua ini sebenarnya tidak bermula dari akar umbi Islam tetapi bermula daripada sistem Barat yang kemudiannya dimurnikan dengan nilai-nilai Islam. Dengan kata lain, sistem Barat yang tidak selari dengan Islam dibuang dan digantikan dengan nilai-nilai Islam, manakala sistem Barat yang dikatakan tidak bertentangan dengan Islam pula dikekalkan. Hal ini nampak seakan-akan memperkuatkan sistem dan struktur pembangunan lazim yang sedia ada sahaja.

PELAKSANAAN ISLAMISASI PEMBANGUNAN DI MALAYSIA

Setakat penelitian yang saya lakukan, proses Islamisasi pembangunan ini telah banyak dilaksanakan di Malaysia. Antara yang paling utama adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Islamisasi Pembangunan di Malaysia

Bil.	Pelaksanaan Proses Islamisasi Pembangunan	
	Peringkat Negeri	**Peringkat Negara**
1.	Wawasan SIHAT	Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam (DPNI)
2.	Islam Hadhari Terengganu Bestari ITHB)	Pendekatan Islam Hadhari
3.	Gagasan Membangun Bersama Islam (MBI)	

Berdasarkan Jadual 1, pelaksanaan Islamisasi pembangunan di Malaysia boleh dibahagi kepada dua peringkat. Pertama, pelaksanaan pada peringkat negeri. Setakat ini, negeri-negeri yang jelas nampak terkehadapan berusaha ke arah itu ialah Terengganu dan Kelantan. Di Terengganu, Islamisasi pembangunan diaplikasikan melalui Wawasan SIHAT (S-sihat fizikal dan mental, IH-ilmu yang dihayati, A-akhlak yang mulia dan T-takwa) pada zaman Wan Mokhtar Ahmad (Dato' Seri Amar Di Raja Tan Sri)[72] (Ahmad Ikram Abdullah, 1997:16; Muhammad Syukri Salleh, 1999:76) dan pendekatan Islam Hadhari Terengganu Bestari (IHTB) pada zaman Idris Jusoh (Dato'

[72] Wan Mokhtar Ahmad memimpin Kerajaan Negeri Terengganu bermula dari 1 September 1974 – 29 November 1999.

Seri)[73] (Muhammad Syukri Salleh, 2005a:140-142; Idris Jusoh, 2007). Di Kelantan pula, Islamisasi pembangunan telah diaplikasikan melalui gagasan Membangun Bersama Islam (MBI) (1990-kini) (Sahawati Harun, 2011:2). Walau bagaimanapun, pelaksanaan kedua-dua Islamisasi pembangunan di Terengganu itu telahpun terhenti apabila kepimpinan dan kuasa politik negeri bertukar. Cuma yang masih berjalan sekarang ini ialah gagasan MBI di Kelantan sahaja.

Kedua, pelaksanaan pada peringkat negara. Misalnya, pelaksanaan DPNI oleh Mahathir Mohammad pada tahun 1982 (Mauzy & Milne, 1983) dan pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari oleh Abdullah Ahmad Badawi pada 30 Januari 2004 (Muhammad Syukri Salleh, 2005b:55; Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid & Wan Adli Wan Ramli, 2006:12). Pendekatan Islam Hadhari ini tidak lagi dilaksanakan setelah Mohd Najib Abdul Razak (Dato' Seri) mengambil alih jawatan Perdana Menteri Malaysia yang keenam pada 3 April 2009. Sebaliknya Mohd Najib Abdul Razak memperkenalkan satu gagasan baru iaitu Gagasan 1Malaysia (G1M) (Syed Mahadzir Syed Ibrahim & Mohd Shah A'shari, 2010:xii).

G1M ini sebenarnya bukanlah satu pendekatan Islamisasi pembangunan. Walau bagaimanapun unsur-unsur Islam itu masih ada, tetapi terlalu sedikit. G1M meletakkan konsep *al-Wasatiyyah* (kesederhanaan) sebagai pendukungnya (JAKIM, 2010). Sebenarnya usaha pengaplikasian konsep *al-Wasatiyyah* dalam G1M ini bukanlah sesuatu yang baru. Ia adalah lanjutan dari konsep *al-Wasatiyyah* yang digunakan dalam pelaksanaan Islam Hadhari sebelum ini. Menurut Najib Tun Razak (2010:46), tujuan diletakkan konsep *al-wasatiyyah* sebagai pendukung G1M ini kerana ia akan merealisasikan ajaran Islam dengan lebih komprehensif serta berimbang antara pelbagai tuntutan. Hal ini semata-mata untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam contoh iaitu sebuah negara yang maju, disegani, bertoleransi dan berimbang dari segenap bidang.

Walau bagaimanapun, perbincangan dalam kertas kerja ini hanya memfokuskan salah satu daripada proses Islamisasi pembangunan yang telah dilaksanakan di Malaysia iaitu pendekatan Islam Hadhari. Paling tidak terdapat empat sebab utama pendekatan Islam Hadhari ini dipilih. Pertama, ia merupakan proses pelaksanaan Islamisasi pembangunan pada peringkat negara yang lebih komprehensif setakat ini; kedua, sebelum dilaksanakan pada peringkat negara, pendekatan Islam Hadhari ini terlebih dahulu dilaksanakan pada peringkat negeri, iaitu negeri Terengganu; ketiga, ia lebih dikenali, bukan sahaja dalam negara, bahkan juga di luar negara; dan keempat, ia dibincangkan oleh banyak pihak sehingga Jabatan Kemajuan

---

[73] Idris Jusoh memimpin Kerajaan Negeri Terengganu bermula dari Mac 2004 – Mac 2008.

Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berusaha menerbitkan Jurnal Hadhari[74].

Di samping itu timbul pula persoalan, kenapakah Malaysia mengamalkan Islamisasi pembangunan dan tidak memilih pendekatan pembungkihan akar umbi sistem dan meruntuh struktur sedia ada? Paling tidak terdapat dua sebab utama Malaysia memilih pendekatan Islamisasi pembangunan. Pertama, negara Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk dengan 40 peratus rakyatnya terdiri daripada orang bukan Islam (Lee Ban Chen, 2002); dan kedua, pendekatan Islamisasi pembangunan lebih mudah dilaksanakan kerana ia bersifat beransur-ansur dan tidak dilaksanakan secara sekali gus dan drastik berbanding pendekatan pembungkihan akar umbi. Menurut Abdul Rahman Mahmood (2009:42), hal ini dapat mendorong masyarakat bukan Islam menerima beberapa perubahan atau proses Islamisasi pembangunan yang dilaksanakan.

Meskipun pelaksanaan Islamisasi pembangunan di Malaysia tidak bersifat drastik dan bukan berbentuk rombakan sistem dan struktur, ia masih tetap dipandang negatif oleh sebilangan orang bukan Islam. Misalnya, Lee Ban Chen (2002) yang meluahkan rasa kebimbangan beliau terhadap proses Islamisasi pembangunan dengan mengatakan perlumbaan antara UMNO dengan PAS untuk mengIslamisasikan negara akan terus mempolarisasikan rakyat Malaysia sebagai Islam dan bukan Islam dalam semua bidang. Selain itu, salah seorang Ahli Parlimen DAP, Lim Kit Siang turut mempersoalkan Islamisasi pembangunan yang dilaksanakan. Beliau menyatakan Malaysia tidak boleh diIslamisasikan kerana kurang daripada 60 peratus penduduk di Malaysia yang beragama Islam. Dengan itu, beliau tetap berpendirian bahawa Malaysia sebuah negara sekular dengan Islam sebagai agama rasmi (Thock Ker Pong, 2005).

Secara peribadi, saya berpandangan situasi yang lebih berat lagi akan berlaku sekiranya Malaysia menggunakan pendekatan pembungkihan akar umbi dan meruntuhkan sistem yang sedia ada. Oleh sebab itulah Malaysia hanya menggunakan pendekatan Islamisasi pembangunan sebagai salah satu strategi untuk memperkasakan Islam di negara ini. Hal inilah yang menyebabkan proses Islamisasi pembangunan itu tidak ditentang secara total oleh orang-orang bukan Islam. Masih ada sebilangan orang bukan Islam yang memandang positif terhadap proses Islamisasi pembangunan ini. Misalnya, Terence Chong (2006) yang berpandangan proses Islamisasi pembangunan melalui pendekatan Islam Hadhari ini sebagai usaha pemerintah untuk memperkasakan orang Islam bagi berhadapan dengan cabaran-cabaran global pada hari ini dan agar kaum Melayu-Islam menjadi

---

[74] Jurnal Hadhari merupakan jurnal berwasit dan berindeks yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. Jurnal Hadhari Keluaran Khas telah dilancarkan oleh Ahmad Zahid Hamidi (Dato' Seri Dr.), Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 25 Oktober 2008. Mulai tahun 2009, Jurnal Hadhari diterbitkan sebanyak 2 keluaran dalam setahun (JAKIM, 2011).

lebih berjaya pada tahap global. Beliau juga berpendapat setelah berlakunya peristiwa 11 September 2001, Islam Hadhari akan membuka jalan kepada Malaysia untuk menjadi tauladan kepada masyarakat Islam sedunia. Sarjit Singh (2006) pula berpandangan proses Islamisasi pembangunan melalui pendekatan Islam Hadhari penting kerana ia menekankan ketamadunan Islam yang berpaksikan ajaran asas agama tersebut. Menurut beliau lagi, pendekatan Islam Hadhari ini dapat membentuk sebuah negara yang harmoni dan aman damai.

SOROTAN LATAR BELAKANG ISLAM HADHARI

Pemikiran Islamisasi pembangunan melalui pendekatan Islam Hadhari ini telah pun bermula sejak tahun 2002 lagi. Menurut Abdul Hamid Othman[75] (Dato' Seri Dr.), perbincangan untuk melaksanakan Islamisasi pembangunan melalui pendekatan Islam Hadhari ini telah mula dilakukan oleh beliau dengan rakan-rakan ulama dan cendekiawan Islam pada tahun 2002. Tujuannya adalah untuk mencari jalan merealisasikan tamadun bangsa dan negara. Setelah hasil perbincangan tersebut dikemukakan kepada mantan Perdana Menteri Malaysia kelima, Abdullah Ahmad Badawi, beliau kemudiaannya mendapat ilham untuk mengisytiharkan dasar Islam Hadhari sebaik sahaja menggantikan Mahathir Mohammad. Sebelum Islam Hadhari ini diisytiharkan, Mahathir Mohammad telah mengisytiharkan Malaysia sebagai Negara Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2005a:137)

Namun, dalam tempoh 2002 hingga Mac 2004, Islam Hadhari ini kurang diberi perhatian walaupun pada 30 Januari 2004, Abdullah Ahmad Badawi melancarkan dan merasmikan "Islam Hadhari Pengurusan Negara Islam Peringkat Kebangsaan" di Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadhari di Dewan Kompleks Belia, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan (Muhammad Syukri Salleh, 2005b:55). Tidak berapa lama selepas itu iaitu seminggu sebelum Pilihan Raya Umum 2004 (PRU ke-11) pada 21 Mac 2004, Abdullah Ahmad Badawi menyebutnya sekali lagi di satu majlis yang dihadiri oleh 25,000 orang. Dalam PRU ke-11 itu, Islam Hadhari dijadikan sebagai salah satu agenda Manisfesto Barisan Nasional di peringkat nasional dan di peringkat negeri Terengganu (Muhammad Syukri Salleh, 2005a:137-138).

Setelah Barisan Nasional (BN) memperoleh kemenangan besar dalam PRU ke-11 itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang baru Abdullah Md. Zin (Dato' Dr.) telah diamanahkan oleh mantan Perdana Menteri, Abdullah Ahmad Badawi untuk menggerakkan Islam Hadhari ini (Berita Minggu, 11 April 2004). Berikutan daripada itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dijadikan sebagai sekretariat (New Sunday Times, 1 Ogos 2004). Selain itu, institusi-institusi Islam Kerajaan yang lain seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM),

---

[75] Penasihat Agama kepada mantan Perdana Menteri Malaysia kelima, Abdullah Ahmad Badawi.

Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), dan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) turut terlibat dalam menggerakkan dan mempromosikan Islam Hadhari ini kepada kumpulan sasaran masing-masing (Jabatan Perdana Menteri, 2007). Hal ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Agensi Pelaksana Pendekatan Islam Hadhari

Bil.	Agensi	Sasaran
1	JAKIM	Kakitangan kerajaan dan masyarakat awam
2	JASA	Pertubuhan politik
3	JAPIM	Guru dan pelajar sekolah
4	JPT	Institusi pengajian tinggi awam dan swasta
5	KAGAT	Warga Angkatan Tentera Malaysia
6	IKIM	Masyarakat bukan Islam
7	YADIM	Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)
8	JPM (Penasihat Agama, Perdana Menteri)	Sektor swasta

Sumber: Dirumuskan daripada Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari di Agensi-agensi Kerajaan, Pekeliling AM Bilangan 1, 2007.

Bagi membuktikan pendekatan Islam Hadhari itu masih lagi diberi perhatian, pada 23 September 2004, Abdullah Ahmad Badawi sendiri yang menghuraikan Islam Hadhari dengan lebih terperinci dan mendalam dalam ucapannya di Perhimpunan Agung UMNO ke-55 di Pusat Dangan Dunia Putra (PWTC) (Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Wan Adli Wan Ramli, 2006:12). Walaupun Islam Hadhari hanyalah sebahagian daripada banyak lagi isi ucapannya, ia boleh dianggap sebagai dokumen pertama tentang Islam Hadhari yang paling lengkap setakat ini (Muhammad Syukri Salleh, 2005a:139).

Sebenarnya, dalam tempoh sebelum dan selepas PRU ke-11, selain dari Jabatan Perdana Menteri – sama ada Perdana Menteri sendiri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Abdullah Md. Zin dan JAKIM – terdapat pelbagai pihak lain yang turut juga mempromosikan Islam Hadhari, terutamanya Kerajaan negeri. Paling menonjol dalam kalangan Kerajaan negeri ialah Kerajaan Negeri Terengganu. Sejak sebelum PRU ke-11 lagi, Barisan Nasional amnya dan UMNO negeri Terengganu khasnya – ketika itu di bawah kepimpinan mantan Perdana Menteri Malaysia kelima, Abdullah Ahmad Badawi sendiri (sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri) dan menjadi parti pembangkang kepada pemerintahan PAS – telah

memperkenalkan satu pendekatan yang dikenali sebagai Islam Hadhari Terengganu Bestari (IHTB) (Muhammad Syukri Salleh, 2005a:140).

Sebenarnya, pendekatan IHTB ini adalah satu inspirasi untuk mewujudkan kemajuan peradaban dengan mengambil kira kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai wadah mencapai ketinggian peradaban tersebut. Fokusnya ialah tadbir urus yang baik, mesra teknologi, dan infostruktur dan infrastruktur yang berkesan. Dengan itu, ia diharap dapat membina empat perkara berikut. Pertama, negeri yang baik, aman dan makmur serta diampuni Allah SWT (*baldah tayyibah wa rabb ghafur* – Saba', 34:15). Kedua, masyarakat yang saling hormat menghormati, bertimbang rasa, mesra dan harmonis merentasi kaum, agama dan fahaman politik yang berbeza, dan sama-sama menghayati konsep amar makruf nahi munkar, berilmu, berbudaya belajar seumur hidup, pekerti yang luhur, bersifat global, berdikari, dan tidak meminta-minta. Ketiga, keluarga yang sihat, dinamik, cergas, dan mampu melahirkan insan yang bersih rohani dan jasmaninya serta terdidik dengan nilai-nilai agama dalam semua aspek kehidupan. Keempat, individu yang berfikiran tajam, kreatif dan menghormati pandangan orang lain, tidak kekok dengan teknologi komunikasi dan maklumat, dan memelihara hubungan dengan Tuhan dan sesama manusia (Muhammad Syukri Salleh, 2005b:57-58 & 2005a:140-141).

Pendekatan IHTB yang diperkenalkan ini mempunyai lapan prinsip yang agak berbeza dengan prinsip Islam Hadhari yang kemudiannya disenaraikan oleh mantan Perdana Menteri, Abdullah Ahmad Badawi di Perhimpunan Agung UMNO ke-55. Pertama, ilmu. Kedua, *syumul* (komprehensif) dan seimbang (*ummatan wasata*). Ketiga, cemerlang (*khayra ummah*). Keempat, mesra. Kelima, kompetitif, inovatif dan kreatif. Keenam, global. Ketujuh, moden dan kontemporari, dan kelapan, akhlak (Muhammad Syukri Salleh, 2005a:159-160; Idris Jusoh, 2007:13). Selepas Abdullah Ahmad Badawi memperkenalkan 10 prinsip Islam Hadhari di peringkat nasional iaitu pertama, keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT; kedua, Kerajaan adil dan beramanah; ketiga, rakyat berjiwa merdeka; keempat, penguasaan ilmu pengetahuan; kelima, pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif; keenam, kehidupan berkualiti; ketujuh, pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita; kelapan, keutuhan budaya dan moral; kesembilan, pemuliharaan alam semula jadi; dan kesepuluh, kekuatan pertahanan (JAKIM, 2005:22), maka Kerajaan Negeri Terengganu telah menamakan kelapan-lapan prinsip Islam Hadharinya sebagai nilai-nilai Islam Hadhari Negeri Terengganu (Muhammad Syukri Salleh, 2007:4).

Pendekatan Islam Hadhari yang diperkenalkan ini sebenarnya merupakan satu pendekatan untuk membangunkan tamadun dan peradaban umat yang berteraskan syariat dan landasan Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2005b:63 & 2005a:137). Ia meliputi aspek akidah, ibadah dan akhlak. Hal ini bertujuan melahirkan modal insan yang jitu dari aspek keimanan, keintelektualan, sakhsiah dan pembangunan fizikal (JAKIM, 2005:15).

Secara lebih jelas lagi, Islam Hadhari merupakan satu pendekatan baru berkonsepkan kemajuan dan pembangunan seimbang antara keperluan fizikal dan spiritual dalam usaha membangunkan dan melestarikan ketamadunan umat Islam berasaskan prinsip *siyasah syar'iyyah* (politik Islam) (Khadijah Mohd Khambali @Hambali & Nor Adina Abdul Kadir, 2010).

Sebenarnya, pendekatan Islam Hadhari ini diperkenalkan berdasarkan beberapa rasional iaitu Islam sebagai agama Persekutuan; sebagai kesinambungan DPNI; pemacu Wawasan
2020; menjadikan Islam sebagai penyelesai cabaran semasa; dan merealisasikan Islam sebagai agama yang dapat memberi rahmat kepada alam sejagat (Jabatan Perdana Menteri, 2007).

UNSUR-UNSUR ISLAMISASI PEMBANGUNAN DALAM PENDEKATAN ISLAM HADHARI

Secara asasnya, memang pendekatan Islam Hadhari mempunyai tasawurnya yang tersendiri. Hal ini dapat dibuktikan melalui prinsip pertamanya yang jelas menekankan kualiti keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT (Siddiq Fadzil, 1988:12-13). Jelas di sini bahawa Islam Hadhari meletakkan elemen tauhid sebagai tunjang dalam pembangunan tamadun dan peradaban umat.

Meskipun Islam Hadhari mempunyai tasawurnya yang tersendiri, namun ia didapati masih mengekalkan unsur-unsur tasawur lazim. Dengan kata lain, acuan Islam Hadhari adalah gabungan antara tasawur Islam dengan tasawur lazim. Bagi membuktikan hal ini Muhammad Syukri Salleh (2005a:151) mengatakan Islam Hadhari kerap dihubungkan dengan 'kemodenan'. Misalnya, ketika Abdullah Ahmad Badawi menyampaikan syarahannya di Oxford Centre for Islamic Studies (lebih kurang seminggu selepas ucapannya di Perhimpunan Agung UMNO ke-55), beliau mengatakan Islam Hadhari adalah satu pendekatan terhadap sebuah tamadun Islam yang progresif, yang menghargai isi dan bukan bentuk, yang berhasrat menyedarkan umat Islam bahawa kemajuan dituntut oleh Islam. Pendekatan ini dikatakan selaras dengan kemodenan, tetapi berakar umbi ajaran Islam dan nilai-nilai Islam yang luhur.

Bukan setakat itu, malah Abdullah Ahmad Badawi sering menghubungkan Islam Hadhari dengan kemodenan itu secara berulang-ulang. Misalnya dalam Forum Strategi Arab 2004 yang berlangsung di Dubai, Abdullah Ahmad Badawi (2004e) berkata begini:

> "Mengagumi kuasa yang ada pada agama yang agung, saya menerapkan konsep Islam Hadhari sebagai inspirasi kepada rakyat saya ke arah pembangunan yang progresif. Ia merupakan satu pendekatan yang memerlukan penghayatan

dan bukannya sistem pentadbiran. Pendekatan yang memerlukan Muslim memahami yang kemajuan mesti disertakan dengan Islam. Pendekatan yang sepadan dengan kemodenan tetapi tetap teguh memelihara kesucian ajaran Islam" (dipetik daripada Muhammad Syukri Salleh, 2005a:153).

Jelas di sini bahawa Abdullah Ahmad Badawi menganggap Islam Hadhari sebagai satu pendekatan yang sepadan dengan kemodenan, tetapi ia tetap teguh memelihara kesucian ajaran Islam.

Dalam ucaptama di Jamia Milia Islamia di Delhi, India pada 21 Disember 2004 pula, Abdullah Ahmad Badawi (2004f) berkata begini:

> "Tidak boleh dinafikan bahawa Islam menjadi imperatif yang bertambah kuat bagi orang Islam untuk tindakan pada hari ini. Di Malaysia, kami percaya bahawa dorongan ini bertindak adalah kerana agama boleh disalurkan ke arah kebaikan, ke arah kemajuan, dan ke arah pembangunan. Kami panggil pendekatan ini sebagai Islam Hadhari – secara harfiah bermaksud 'ketamadunan' - yang serasi dengan pemodenan, tetapi tegak bertunjangkan pada nilai-nilai mulia dan kehendak-kehendak Islam" (dipetik daripada Muhammad Syukri Salleh, 2005a:153).

Jelas di sini bahawa Abdullah Ahmad Badawi mengatakan Islam Hadhari itu sebagai satu pendekatan yang serasi dengan pemodenan, namun ia tetap bertunjangkan nilai-nilai mulia dan kehendak-kehendak ajaran Islam.

Selain itu, Menteri Besar Terengganu (sewaktu di bawah kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi), Idris Jusoh (2004) menjelaskan lagi maksud Islam Hadhari ini sebagai satu pendekatan holistik dan penterjemahan Islam ke dalam pembangunan zaman moden berasaskan al-Qur'an dan al-Sunnah untuk melahirkan masyarakat yang dinamik, progresif dan bertamadun (dipetik daripada Muhammad Syukri Salleh, 2005a:151). Di sini juga jelas dihubungkan pendekatan Islam Hadhari itu dengan kemodenan.

Dalam pengajian pembangunan, perkataan moden berkait rapat dengan teori Modenisasi[76] yang lahir di Barat setelah falsafah Barat berjaya

---

[76] Modenisasi berasal daripada perkataan Latin, *modernus* yang bermaksud pada masa ini. Modenisasi adalah satu fasa sejarah Barat yang sedang melalui pasca-tradisi, pasca zaman pertengahan. Modenisasi dicirikan dengan industrialisme, kapitalisme, sekularisasi, dan negara-bangsa (Khalif Muammar A. Haris, 2012:34). Habermas (1985), seorang ahli falsafah yang mewakili Modenisasi, terpaksa mengakui kelemahan yang ada pada Modenisasi, khususnya dalam wacana kesadaran manusia (*consciousness*) sehingga banyak menimbulkan penyelewengan akliah, tetapi beliau cuba mempertahankan Modenisasi daripada kritikan golongan pascamoden. Zaman moden bagi Habermas berkait rapat dengan proses rasionalisasi (*rationalization*). Rasionalisasi pula diperkenalkan oleh Max Weber

meminggirkan agama dan tradisi daripada menguasai masyarakat. Teori Modenisasi telah menolak pandangan alam yang berdasarkan agama dan membangun tasawur baru yang menolak aspek metafizik (Khalif Muammar A. Haris, 2012:35). Oleh sebab itu, teori Modenisasi meletakkan manusia bukan sebagai hamba dan Khalifah Allah SWT. Menurut Habermas (1985), Bauman (1991), dan Hermansen (1996), dalam teori Modenisasi manusia dianggap sebagai penentu segala sesuatu (*measure of all things*), pembawa dan sumber segala hak.

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2005a:169) dan Abdul Rahman Embong (2002:168-169), teori Modenisasi ini sebenarnya ada hubung kait dengan Falsafah Pembangunan Neo-Klasikal yang melahirkan sistem kapitalisme Ibunya ialah sains sosial Barat yang bersifat anti-dogmatis, anti-teologi, bebas nilai dan saintifik yang berasaskan ilmu *daruri* dan hujah-hujah akal sahaja. Sifat anti-dogmatis membahayakan akidah umat Islam, sifat anti-teologi menolak ritualisme dan penganalisisan agama, sifat bebas nilai menafikan pegangan dan tasawur seseorang, sifat saintifik mengetepikan alam ghaib, manakala ilmu *daruri* dan hujah-hujah akal tidak mencukupi untuk memahami fenomena dan permasalahan pembangunan.

Meskipun maksud moden yang diguna pakai oleh mantan Menteri Besar Terengganu, Idris Jusoh dan mantan Perdana Menteri, Abdullah Ahmad Badawi itu merujuk kepada pemakaian teknologi dan peralatan canggih terkini, namun ia boleh menimbulkan kekeliruan dan konotasi yang negatif dalam kalangan ilmuwan Islam dan bukan Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2005a:169). Pandangan yang dikemukakan oleh Muhammad Syukri Salleh (2005a) ini patut diambil penting dan diteliti secara mendalam. Hal ini kerana maksud moden dalam Islam Hadhari yang merujuk kepada pemakaian teknologi dan peralatan canggih itu seakan-akan hampir menyamai tujuan teori Modenisasi itu diperkenalkan. Misalnya, Moore (1963) yang mengatakan teori Modenisasi diperkenalkan adalah untuk mentransformasikan masyarakat pra-moden kepada jenis teknologi dan organisasi sosial sebagaimana masyarakat Barat yang maju dalam bidang ekonomi dan politik. Berdasarkan pandangan Moore (1963) ini, ternyata beliau menekankan proses perubahan yang perlu berlaku dalam masyarakat di negara Dunia Ketiga. Perubahan tersebut pula perlu dilakukan mengikut pola perubahan yang telah dilalui oleh masyarakat Barat iaitu konsep

---

untuk menjadi asas kepada kapitalisme. Menurut Hardiman dan Midgley (1982), Modenisasi adalah antara teori yang dikemukakan oleh para sarjana ekonomi Barat seperti Rosentein-Rodan, Nurkse, Leibenstein, Rostow dan Harrod Domar berhubung punca berlakunya kemiskinan di negara-negara Eropah Timur yang baru mencapai kemerdekaan selepas tamatnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1945. Hunt (1989) mengatakan teori ini kemudiannya diperluaskan lagi bagi mencari punca kemunduran dan kemiskinan di negara Dunia Ketiga khususnya di Asia, Afrika dan Amerika Latin. Menurut Hardiman dan Midgley (1982), punca berlakunya kemunduran dan kemiskinan di negara-negara tersebut disebabkan oleh pergantungan kepada sektor pertanian, penggunaan kaedah serta teknologi pengeluaran yang rendah, kekurangan infrastruktur dan sikap serta pegangan tradisi petani yang bertentangan dengan kehendak pertanian moden (dipetik daripada Mohd Fauzi Mohd Harun & Ahmad Fauzee Abdullah, 2007:40).

Modenisasi yang *eurosentrik* sifatnya. Selain itu, Black (1967) pula berpendapat teori Modenisasi ini diperkenalkan untuk membolehkan institusi menyesuaikan diri dengan kadar perubahan fungsi yang cepat bagi meningkatkan pengetahuan manusia supaya mereka dapat menguasai dan mengawal persekitarannya yang akhirnya membawa kepada revolusi saintifik. Revolusi saintifik membantu Barat menguasai dan meneroka dunia. Berdasarkan pandangan Black (1967) ini, teori Modenisasi cuba menyerapkan sains dan teknologi moden dalam masyarakat Dunia Ketiga. Hal ini mempamerkan masyarakat Dunia Ketiga masih lagi terikat dengan negara Barat kerana sains dan teknologi dihasilkan di sana (Ahmad Shukri Mohd. Nain & Rosman Md. Yusoff, 2003:51).

Permasalahan yang timbul ini sebenarnya telah disedari oleh mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Abdullah Md. Zin sendiri. Hal ini dapat dilihat melalui kata-kata beliau sebagaimana berikut:

> *Wasatiyah or a balanced approach to life would be a more precise way to describe Islam Hadhari. Moderation, on the other hand, could connote hastiness to the point of neglecting traditons, Islamic scholars tend to shy away from using the word 'moderate' because it can be manipulated and exploited by external influences. In the same way, scholars are cautions about the word modern which they associate with Western civilization. The word progressive could also be used to define Islam Hadhari but wasatiyah is preferable* (*New Sunday Time*, 1 Ogos 2004 – dipetik daripada Muhammad Syukri Salleh, 2005b:170).
>
> Terjemahannya: *Wasatiyah* atau pendekatan seimbang terhadap kehidupan adalah cara tepat menerangkan tentang Islam Hadhari. Kesederhanaan, sebaliknya boleh bererti terburu-buru sehingga mengabaikan tradisi. Cendekiawan Islam mengelak daripada menggunakan perkataan 'sederhana' kerana ia boleh dimanipulasi dan dipergunakan oleh pengaruh luar. Begitu juga, cendekiawan Islam berhati-hati dengan perkataan moden yang mereka kaitkan dengan tamadun Barat. Perkataan progresif boleh juga digunakan untuk mendefinisikan Islam Hadhari, tetapi *wasatiyah* adalah lebih diajukan

Selain Abdullah Md. Zin, Mohd Nakhaei Haji Ahmad (2005) turut menyedari tentang aspek Modenisasi dalam Islam Hadhari ini. Namun dalam hal ini beliau menyatakan proses Modenisasi yang terdapat dalam Islam Hadhari itu tidak sama dengan Modenisasi Barat. Hal ini kerana Modenisasi yang terdapat dalam Islam Hadhari itu telah dileraikan daripada pembaratan dan diserasikannya dengan Islam. Elemen sekularisme dan kapitalisme yang mengakar dalam proses Modenisasi di Barat tidak diterima dalam

pembangunan di negara ini. Berdasarkan pandangan Mohd Nakhaei Haji Ahmad (2005) ini didapati proses Islamisasi jelas berlaku dalam pendekatan Islam Hadhari. Aspek Modenisasi yang diguna pakai itu hanya disesuaikan dengan ajaran Islam melalui penggantian unsur-unsur pembangunan lazim yang tidak selari dengan Islam dengan unsur-unsur pembangunan berteraskan Islam.

Oleh sebab pendekatan Islam Hadhari itu menggunapakai acuan yang bercampur aduk antara tasawur Islam (tauhid) dengan tasawur lazim (Modenisasi), maka ia dikatakan sebagai salah satu daripada proses Islamisasi pembangunan. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2003:22), sesuatu pendekatan itu tidak boleh dikatakan pendekatan pembangunan berteraskan Islam apabila ia lahir daripada acuan yang bercampur aduk antara epistemologi dan tasawur Islam dengan epistemologi dan tasawur lazim.

KEGAGALAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI

Pendekatan Islam Hadhari yang digagas oleh mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Badawi telah mengalami dinamika pasang surut dalam pelaksanaannya. Pada peringkat awal - tidak lama setelah pelancarannya - pendekatan Islam Hadhari dialu-alukan kehadirannya terutama dalam kalangan parti pemerintah yang berkuasa iaitu UMNO. Timbulnya pandangan yang positif ini kerana Islam Hadhari menawarkan satu konsep atau pendekatan yang meletakkan Islam sebagai teras utama dalam arus pembangunan negara yang berdasarkan kepada keunggulan tamadun dan peradaban bangsa. Selain itu, pendekatan ini juga diyakini mampu mengembalikan semula kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan yang cukup terjejas berikutan berlakunya penyingkiran dan pemenjaraan mantan Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim (Dato' Seri) pada tahun 1988 (Mohammad Redzuan Othman & Amin Fadlillah, 2012).

Hal ini dapat dibuktikan dengan keputusan PRU ke-11 pada tahun 2004. UMNO telah meraih kemenangan terbesar dalam sejarah pilihan raya di negara ini. Sebagai salah satu manifesto Barisan Nasional (BN) dalam menghadapi PRU ke-11, Islam Hadhari dilihat cukup berperanan sekali. Ia dikatakan dapat mempromosikan Islam yang berimbang (*al-Wasatiyyah*) dan progresif sekali gus menolak pendekatan Islam yang diperjuangkan PAS. Peranan Islam Hadhari ini dilihat menjadi faktor utama dalam meraih sokongan pengundi Melayu. Berhubung hal ini, Khadijah Md. Khalid (2007) menyatakan:

> *Islam Hadhari was instrumental in winning the hearts and minds of the Malaysians electorate, particularly the rural Malays, prompting them to switch their support from PAS to the UMNO.*

Terjemahannya: Islam Hadhari berperanan penting dalam memenangi hati dan minda pengundi rakyat Malaysia, terutamanya orang Melayu luar bandar, mendorong mereka untuk menghidupkan sokongan mereka daripada PAS kepada UMNO.

Walau bagaimanapun, oleh sebab acuan pendekatan Islam Hadhari itu bersifat campur aduk antara tasawur Islam dengan tasawur lazim, Islam Hadhari mula kehilangan arah matlamat dan cita-cita besarnya dalam mereformasikan cara pandang (tasawur), sikap dan mentaliti masyarakat Melayu untuk merealisasikan pembangunan berteraskan Islam dan impian Malaysia sebagai negara Islam contoh. Dengan kata lain, apabila akar umbi sistem dan strukturnya masih bertunjangkan tasawur lazim, maka ia menimbulkan pelbagai masalah pada peringkat operasionalnya.

Justeru, sebagai implikasinya Islam Hadhari dikritik dan dipertikai oleh banyak pihak. Misalnya, golongan pembangkang terutama PAS yang mempertikaikan pendekatan Islam Hadhari sebagai pendekatan yang dikatakan berteraskan Islam (Abdul Hadi Awang, 2005). Selari dengan pandangan PAS ini, M. Bakri Musa (2007) mengatakan pendekatan Islam Hadhari yang diperkenalkan Kerajaan tidak sepenuhnya menepati kehendak Islam kerana dalam usaha kerajaan menyerlahkan imej Islamnya menerusi dasar Islamisasinya, ia tidak disertai dengan komitmen untuk menjalankan Islam secara bersungguh-sungguh. Isu tentang kemerdekaan dan hak asasi manusia yang menjadi salah satu prinsip Islam Hadhari menimbulkan kontradiksi dengan realiti yang berlaku, iaitu banyaknya tahanan politik ISA yang masih belum dibebaskan pada ketika itu.

Selain itu, golongan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) Islam mengatakan Islam Hadhari lemah dalam aspek pelaksanaannya kerana tiada gagasan dan acuan yang bersifat konkrit, malah Islam Hadhari dilihat sebagai slogan politik dan terlalu menekankan aspek material semata-mata (Mohammad Redzuan Othman & Amin Fadlillah, 2012). Hal ini selari dengan pandangan Muhammad Syukri Salleh (2005a:177) yang mengatakan pendekatan Islam Hadhari itu bagaikan terlalu terikat dengan UMNO. Ia dijadikan agenda manifesto Pilihan Raya UMNO khususnya dan BN amnya dalam Pilihan Raya Umum 2004. Hal ini ditambah pula dengan pengisytiharannya dalam Perhimpunan Agung UMNO ke-55 oleh Abdullah Ahmad Badawi. Pada ketika itu, beliau ialah Presiden UMNO.

Disebabkan acuannya yang bersifat campur aduk itu juga, Islam Hadhari dilihat mempunyai kekurangan sekurang-kurangnya pada empat perkara utama. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2005a:163-178), empat perkara tersebut ialah pertama, penggunaan istilah yang kurang sesuai umpamanya istilah ‘hadhari’ dan ‘moden’ telah banyak menimbulkan kontroversi; kedua, Islam Hadhari tidak mempunyai prinsip-prinsip tapak yang kukuh. Sebagai

pendekatan pembangunan berteraskan Islam, Islam Hadhari sepatutnya bertapak pada tujuh prinsip pembangunan berteraskan Islam. Ia mempunyai acuan, pelaku, skala waktu, kerangka, perkaedahan, peralatan, dan matlamat akhir yang tersendiri; ketiga, pencapaian Islam Hadhari diukur dengan indeks-indeks pembangunan yang sedia ada. Sebagai satu pendekatan pembangunan berteraskan Islam, Islam Hadhari tidak cukup diukur dengan indeks-indeks pembangunan lazim yang hanya tertumpu kepada indeks ekonomi dan sosial; dan keempat, kedudukan Islam Hadhari dalam strategi pembangunan negara tidak jelas. Setakat penelitian yang dilakukan, Islam Hadhari itu dilihat bagaikan sekadar lanjutan, kesimbungan dan pemantapan DPNI. Hal ini menyebabkan masa hadapan Islam Hadhari tidak gah dan berkesan sepertimana tidak gah dan tidak berkesannya DPNI itu sendiri. DPNI sebelum ini hanya sebahagian kecil daripada strategi pembangunan induk negara yang besar. Oleh itu, ia hanya berkemampuan mengadakan ceramah-ceramah dan kursus-kursus agama yang sukar dilihat kesannya[77].

Semua kekurangan yang wujud pada aspek operasional Islam Hadhari ini berpunca dari aspek acuannya yang bercampur aduk antara tasawur Islam dengan tasawur lazim. Meskipun ia dilihat sedikit berjaya pada peringkat awalnya, namun ia tidak dapat mengekalkan kejayaannya itu. Hal ini ditambah pula dengan pelbagai kontroversi yang timbul sehingga aspek operasionalnya itu dikritik dan dipertikaikan oleh pelbagai pihak. Menurut kajian yang dilakukan oleh Muhammad Redzuan Othman dan Amin Fadlillah (2012), sebagai kesannya, Islam Hadhari ini dikatakan sebagai penyebab kemerosotan undi Barisan Nasional (BN) dalam PRU ke-12.

KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan perbincangan dalam makalah ini, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat dua sebab utama Malaysia memilih Islamisasi pembangunan sebagai kaedah pelaksanaan Islamnya. Pertama, negara Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk dengan 40 peratus rakyatnya terdiri daripada orang bukan Islam; dan kedua, pendekatan Islamisasi pembangunan lebih mudah dilaksanakan kerana ia bersifat sedikit semi sedikit dan tidak dilaksanakan secara sekali gus dan drastik berbanding pendekatan pembungkihan akar umbi. Sebenarnya, Islamisasi pembangunan itu mempunyai tiga ciri utama.

Pertama, penggantian unsur-unsur pembangunan lazim yang tidak selari dengan Islam dengan unsur-unsur pembangunan berteraskan Islam; kedua, dilaksanakan secara beransur-ansur tanpa merombak dan meruntuhkan struktur pembangunan lazim; dan ketiga, biasanya dilakukan secara akomodatif dan kadangkala terpaksa berbentuk apologetik. Islam Hadhari dikatakan sebagai salah satu daripada proses Islamisasi pembangunan kerana ia masih tidak merombak dan meruntuhkan struktur pembangunan

---

[77] Untuk perincian tentang perkara ini, lihat Muhammad Syukri Salleh (2005a:163-178).

lazim yang wujud iaitu aspek Modenisasi. Berikutan daripada itu, pelaksanaan Islam Hadhari telah menimbulkan banyak masalah dan kontroversi.

Semua masalah dan kontroversi yang wujud itu didapati berpunca dari aspek acuannya yang bercampur aduk antara tasawur Islam dengan tasawur lazim. Meskipun Islam Hadhari dilihat sedikit berjaya pada peringkat awalnya, namun ia tidak dapat mengekalkan kejayaannya itu.

REFERENSI

Abdul Hadi Awang (2005). *Hadharah Islamiyyah Bukannya Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Nufar Street Sdn. Bhd.

Abdul Rahman Embong (2002). "Pembangunan: Daripada Modenisasi Kepada Globalisasi", dlm. Misran Rokimin, James Francis Ongkili & Azmi Aziz (Eds.), *Falsafah dan Peradaban Pembangunan*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Abdul Rahman Mahmood, Kamaruddin Haji Salleh, Ahmad Sunawari Long & Faudzinaim Badaruddin (2009). "Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi di Malaysia", dlm. *Jurnal Hadhari*, Bil. 2 (2009), hlm. 33-51.

Abdullah Ahmad Badawi (2007). *Islam Hadhari Approach: Towards a Progressive Islamic Civilisation*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Ahmad Fadhil Shaari (2001). *Islamisasi di Malaysia: Satu Sorotan Pencapaian*. Diakses daripada http://www.geocities.com/afadhlis/politik2.htm, pada 20 Mac 2013.

Ahmad Ikram Abdullah (2007). *Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam: Pendekatan Negeri Terengganu Darul Iman*. Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.

Ahmad Shukri Mohd. Nain & Rosman Md. Yusoff (2003). *Konsep, Teori, Dimensi & Isu Pembangunan*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Bauman, Z. (1991). *Modernity and Ambivalence*. Cambridge: Polity Press

BPDN (Bahagian Penerbitan Dasar Negara) (2009). *Satu Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan*. Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia, Komunikasi dan Kebudayaan, Kementerian Penerangan.

Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Wan Adli Wan Ramli (2006). "Islam Hadhari Dari Perspektif Intelektual Muslim", dlm. Abdul Halim Haji Mat Diah & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (Eds.), *Islam Hadhari Dari Perspektif Intelektual Muslim*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Habermas, J. (1985). *The Philosophical Discourse of Modernity*. Massachusetts: The MIT Press Cambridge.

Hassan Langgulung. 1998. "Islamisasi Pendidikan dari Perspektif Metodologi", kertas kerja *Seminar Kebangsaan Islamisasi Pendidikan: Menangani Cabaran*, anjuran Jabatan Pendidikan, Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), 14-16 Julai.

Hermansen, M. K. (1996). "Modernity and Religious Worldviews – The Challenge of Classical Islamic Religious Thought for Contemporary Muslim Intellectuals", dlm. Sharifah Shifa al-Attas (ed.), *Islam and The Challenge of Modernity: Historical and Contemporary Contexts*, hlm. 509-534. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

Hussin Mutalib (1990). *Islam and Ethnicity in Malay Politics*. Singapore: Oxford University Press.

Hussin Mutalib (1993). *Islam in Malaysia: From Revivalisme to Islamic State*. Singapore: National University of Singapore.

Ibrahim Ahmad (1989). *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*. Petaling Jaya, Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.

Idris Jusoh (2007). *Islam Hadhari Terengganu Bestari Siri Syarahan ISDEV No. 2*. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV).

INTAN (Institut Tadbiran Awam Negara) (1991). Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia.

Jabatan Perdana Menteri (2007). "Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari di Agensi-agensi Kerajaan", *Pekeliling AM Bilangan 1, 2007*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) (2005). *Islam Hadhari: Satu Penjelasan*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) (2010). *Konsep Wasatiyyah Pendokong Gagasan 1Malaysia 1Ummah*. Diakses pada 28 September 2010, daripada http://www.ukm.my/jhadhari/index.php/bm.

JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) (2011). *Jurnal Hadhari*. Diakses daripada http://www.islam.gov.my/ portal/lihat.php? jakim=4701, pada 14 April 2013.

Khadijah Md. Khalid (2007). "Voting for Change? Islam and Personalized Politics in the 2004 General Elections", dlm. Terence Gomez, Edmund. (ed.), *Politics in Malaysia: The Malay Dimension*. London: Routledge.

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Nor Adina Abdul Kadir (2010). "Pendekatan Wasatiyyah Dalam Pengaplikasian Islam Hadhari di Dalam Memperkasakan Misi 1Malaysia", kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Kebangsaan 1Malaysia "1Malaysia, Realiti Bersama"*, anjuran Pusat Penataraan Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, di Universiti Malaysia Sabah, 1-2 November.

Khalif Muammar A. Haris (2012). "Pandangan Islam Terhadap Tradisi dan Kemodenan", dlm. *Jurnal Hadhari*, 4 (1) (2012), hlm. 23-48.

Lee Ban Chen (2002). *Bumi di Pijak*. Kuala Lumpur: Oriengroup Sdn. Bhd.
M. Bakri Musa (2007). *His Hollowness the Imam of Islam Hadhari*. Diakses pada 7 April 2013, daripada http://www.bakrimusa.com/archives/his-hollowness-the-imam-of-islam-hadhari.
Mauzy, Diana K. & Milne, R.S. (1983). "The Mahathir Administration in Malaysia: Discipline Through Islam", *Pacific Affair*, Jil. 56, Bil. 4.
Mohd Fauzi Mohd Harun & Ahmad Fauzee Abdullah (2007). *Kemiskinan Mengikut Teori Konvensional dan Perspektif Islam*. Shah Alam, Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA.
Mohd Nakhaei Haji Ahmad (Datuk) (2005). *Pendekatan Hadhari dalam Memahami Islam*. Diakses daripada http://library.utem.edu.my/index2.php?option=com _docman&task=doc_view&gid=833&Itemid=113, pada 2 April 2013.
Muhamad Razak Idris (2011). *Menjayakan Proses Islamisasi Secara Holistik*. Diakses daripada http://www.bharian.com.my/articles/MenjayakanprosesIslamisasisec ara holistik/Article/, pada 2 April 2013.
Muhammad Redzuan Othman & Amin Fadlillah (2012). "Perspektif Badan Bukan Kerajaan (NGO) Islam Terhadap Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dan Pendekatan Islam Hadhari", dlm. *Jurnal Hadhari*, Bil. 4 (1) (2009), hlm. 49-76.
Muhammad Syukri Salleh (1999). "Islamic State and Development: The Political Economy of Wawasan SIHAT in Terengganu, Malaysia", *IKIM Journal* (Kuala Lumpur), Vol. 7, No. 2, Julai-Disember, hlm. 73-92.
Muhammad Syukri Salleh (2000). "Pas dan Islamisasi di Kelantan", *PEMIKIR*, No. 21, Julai-September, hlm. 161-185.
Muhammad Syukri Salleh (2003). *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Editons Sdn. Bhd. dan Pulau Pinang: Projek Pengurusan Pembangunan Islam (IDMP), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.
Muhammad Syukri Salleh (2005a). "Islam Hadhari di Malaysia: Versi dan Elemen Pembangunan Berteraskan Islam", dlm. Sivamurugan Pandian *et al.* (Ed.), *Abdullah Ahmad Badawi: Satu Tahun di Putrajaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
Muhammad Syukri Salleh (2005b). "Islam Hadhari dari Perspektif Pembangunan Berteraskan Islam", *PEMIKIR*, No. 39 & 40, Januari-April-Jun, hlm. 53-88.
Muhammad Syukri Salleh (2007). "Mukadimah", dlm. Idris Jusoh, *Islam Hadhari Terengganu Bestari Siri Syarahan ISDEV No. 2*. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV).
Muhammad Syukri Salleh (2011). "Pemikiran Ekonomi Islam Melayu", dlm. H.M. Anton Athoillah, MM, *Prosiding Konferensi Internasional Islam di Dunia Melayu (Malay-Nusantara's Networks of Islam: Past, Present and Future)*. Bandung: Program Pascasarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati.

Musafir Kelana, Mohd Izani Mohd Zain & Ummu Atiyah Ahmad Zakuan (2006). "Pembangunan Islam di Malaysia: Satu Pendekatan Islam Substantif", *KHAZANAH*, Vol. V, No. 66, November-Disember, hlm. 603-618.

Najib Tun Razak (2010). *Transformasi Minda Memeta Wawasan Melaksanakan Amanah*. Putrajaya: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Malaysia.

Sahawati Harun (2011). *Islamisasi Pembangunan di Kelantan*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Fakulti Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.

Sarjit Singh (2006). "Hubungan Etnik di Malaysia: Ke Arah Pembentukan Masyarakat Berintegrasi", dlm. Zaid Ahmad et. al., *Hubungan Etnik di Malaysia*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar, hlm. 192-221.

Siddiq Fadzil (1998). *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD).

Syed Mahadzir Syed Ibrahim & Mohd Shah A'shari (2010). *Gagasan Najib: 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*. Shah Alam, Selangor: Warisan InKEd.

Terence Chong (2006). "The Emerging Politics of Islam Hadhari", dlm. SAW Swee-Hock & K. Kesavapany, *Malaysia Recent Trends and Challenges*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, hlm. 26-46.

ISLAMISASI PEMIKIRAN PEMBANGUNAN DI INDONESIA: PERSPEKTIF TAWHIDIK

Sukiman
Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sumatera Utara
Medan, Indonesia
Email: winsukiman@yahoo.com

PENDAHULUAN

Umat Islam di Indonesia adalah mayoritas, tetapi perencanaan pembangunan kurang mendekat dengan pemikiran Islam yang berbasis tawhid, padahal pemikiran pembangunan yang berbasis tawhid itulah yang paling diperlukan masa sekarang ini. Apalagi di Indoensia yang sedang mengalami berbagai krisis kehidupan seperti merosotnya moral, banyaknya prilaku kejahatan, menipisnya silaturrahim, rendahnya disiplin, disana sini terjadi konflik, tawuran, rusaknya lingkungan yang kesemuanya ini sudah mengkhawatirkan akan semakin merusak pembangunan. Sekiranya pembangunan ini dirancang berdasarkan tawhid, maka pembangunan akan berjalan ke arah nilai-nilai ketuhanan yang tentu mewujudkan manusia-manusia yang taat beribadah dan manusia yang shaleh dan taqwa yang pada gilirannya bangsa Indonesia ini akan menjadi baik, maju dan bermartabat, sehingga Allah s.wt. akan menurunkan rahmat, barakah serta kemuliaan dan jauh dari bencana dan kehancuran.

Sungguhpun tidak dapat dinafikan bahwa asas perencanaan pembangunan di Indonesia ini tetap menggunakan pola kenegaraan yang sudah baku yaitu berdasarkan nilai-nilai Pancasila, UUD 1945 serta pola pembangunan daerah masing-masing. Keculi itu, nilai-nilai budaya dan kearifan lokal juga memberi pengaruh bagi pembangunan di suatu daerah. Pembangunan di provinsi biasanya dipengaruhi pula oleh budaya dan kearifan lokal yang mayoritas penduduknya, sehingga pembangunan daerah juga diisi oleh pemikiran para tokoh dan pejabat yang ada di daerah tersebut. Walaupun demikian ada juga pengaruh pemikiran pembangunan yang relegius, terutamanya pemikiran Islam yang jika para tokohnya ikut andil dalam kegiatan pembangunan.

Sudah masanya pemikiran pembangunan Islam yang tawhidik ini diperkenalkan secara sistematik, komprehensif kepada umat Islam, agar umat ini mengetahui posisi ilmu ini dapat memberikan modal bagi usaha membangun bangsa menuju kemajuan yang hakiki, yakni meraih negeri yang *baldatun thayyibatun wa rabbun ghafur*. Dengan begitu pemikiran pembangunan Indonesia ini perlu diisi dengan nilai-nilai pembangunan yang

tawhidik atau secara jelas digunakan istilah islamisasi pemikiran pembangunan Indonesia. Tentu saja diperlukan usaha agar islamisasi ini dimengerti dan dilaksanakan oleh seluruh lapisan umat Islam tentu saja dipergunakan beberapa jalur baik melalui pendidikan, keluarga, masmedia dan lingkungan.

ASAS PEMIKIRAN PEMBANGUNAN DI INDONESIA

Pemikiran pembangunan di Indonesia relatif sangat beragam sesuai dengan kebhinekaan bangsa Indonesia baik suku, bahasa, agama dan budaya, sehingga asas pembangunan merupakan aspirasi dari seluruh lapisan masyarakat Indonesia, yang dituangkan dalam keputusan politik negara lewat Majlis Permusyawaratan Rakyat (MPR). Sebelum Orde Baru priode 18 Agustus 1945 - Desember 1949, belum menghasilkan GBHN. Priode 1959, 1966 berdasarkan penetapan Presiden nomor: 2/1959, Presiden membentuk MPRS, maka telah ditetapkan Garis-Garis Besar Pola Pembangunan Nasional Semesta Berencana Tahapan Pertama 1961-1969. Bahkan di era ini dipisahkan GBHN politik dan GBHN pembangunan, Priode 1966 (awal Orde Baru) hingga menjelang sidang umum MPRS tahun 1968 tidak berhasil menetapkan GBHN, dan akhirnya MPR menetapkan salah satu tugas kabinet pembangunan dalam menyusun dan melaksanakan perencanaan pembangunan lima tahun (Ketetapan MPR. 1993:2-8)

Sedangkan di era Orde Baru, asas pembangunan yang digunakan adalah: Pertama; Pancasila sebagai landasan ideal,[78] sehingga ajaran Pancasila dikembangkan dan dijabarkan dalam berbagai aspek kehidupan bangsa Indonesia, dan pada tahun 1978 lahirlah Pedoman Penghayatan Pengamalan Pancasila (P_4) yang menyatakan bahwa Pancasila sebagai keperibadian bangsa Indonesia, dasar negara, sumber dari segala sumber hukum perjanjian luhur, pandangan hidup, cita-cita, dan tujuan berbangsa, moral pembangunan.[79] (BP7, 1993:15-17

[78] Yaitu: (1) Ketuhanan yang Maha Esa (2) Kemanusiaan yang adil dan beradab (3) Persatuan Indonesia (4) Kerakyatan yang dipimpin oleh hikmah kebijaksanaan dalam permusyawaratan perwakilan (5) Keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia (Poerdarminta, 1987:702).

[79] Lebih luas lagi Pancasila difungsikan dan berperan: (1). Pancasila sebagai jiwa bangsa Indonesia yaitu berperan dalam memberikan gerak atau dinamika serta membimbing ke arah tujuan untuk mewujudkan masyarakat Pancasila. (2). Pancasila sebagai kepribadian bangsa Indonesia yaitu berupa sikap, tingkah laku dan perbuatanya yang senantiasa selaras, serasi dan seimbang sesuai dengan penghayatan dan pengamalan Pancasila secara bulat dan utuh. (3). Pancasila sebagai dasar negara Republik Indonesia berarti bahwa Pancasila digunakan sebagai dasar untuk mengatur penyelenggaraan ketatanegaraan negara yang meliputi bidang ideologi, politik, ekonomi, sosial budaya dan pertahanan keamanan. (4). Pancasila sebagai sumber dari segala sumber hukum di Indonesia, berarti semua peraturan perundang-undangan itu harus bersumber pada Pancasila. (5). Pancasila sebagai perjanjian luhur, artinya Pancasila harus kita bela untuk selama-lamanya. (6). Pancasila sebagai pandangan hidup yang mempersatukan bangsa Indonesia, memang telah terbukti ampuh untuk memelihara persatuan dan kesatuan bangsa.

Sampai di sini dapat diketahui bahwa pemikiran asas pembangunan Indonesia yang dijabarkan dari Pancasila itu diambil dari berbagai pemikiran bangsa yang Bhineka tunggal Ika, di mana P4 itu awalnya dirintis oleh Tim Sebelas,[80] untuk menghimpun, menyaring dan menuntaskan bahan yang disusun oleh Dewan Pertahanan Keamanan Nasional. Dapat dipahami di antara tim ini tidak ada seorangpun pakar Muslim Indonesia yang ikut dalam penyusunan P-4 ini, padahal masa itu banyak pakar atau intelektual muslim yang berwawasan Internasional, sehingga pemikiran pembagunan ke arah Islam kurang mendapat perhatian. Walaupun demikian pada hakikatnya Pancasila itu sudah merupakan semangat keislaman yang diawali dengan semangat berketuhanan (tauhid dan ubudiyah), kemanusiaan (muamalat), persaudaraan (ukhuwah), musyawarah dan mufakat serta kesejahteraan.

Kedua, Undang-Undang Dasar 1945 sebagai landasan konstitusional,[81] yaitu hukum dasar tertulis dan merupakan sumber hukum, di mana setiap produk hukum seperti undang-undang, peraturan atau putusan pemerintah bahkan juga setiap tindakan kebijaksanaan pemerintah haruslah berlandaskan dan bersumberkan pada peraturan yang lebih tinggi yang pada akhirnya dapat dipertanggung jawabkan sesuai ketentuan Undang-Undang Dasar 1945, sedangkan Pancasila merupakan sumber dari segala sumber hukum Negara Republik Indonesia (BP-7: 84). Dengan demikian maka, UUD 45 mengikat pemerintah, mengikat semua lembaga negara, lembaga masyarakat dan juga mengikat setiap warga negara Indonesia di manapun mereka berada termasuk setiap penduduk yang tinggal di wilayah negara Indonesia, sehingga UUD 1945 berisi norma, aturan atau ketentuan yang harus dilaksanakan dan ditaati dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Oleh sebab itu, kegiatan pembangunan di Indonesia mestilah mengacu kepada UUD 1945 sebagai hukum dasar.

---

(7). Pancasila sebagai cita-cita dan tujuan bangsa Indonesia yang telah dirumuskan dalam Pembukaan UUD 1945 juga memuat cita-cita dan tujuan Nasional. (8). Pancasila sebagai satu-satunya azas dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara, artinya semua organisasi politik, organisasi kemasyarakatan dan lembaga-lembaga kemasyarakatan wajib mencantumkan asas ini dalam anggaran dasar masing-masing organisasi tersebut. (9). Pancasila sebagai moral pembangunan di mana nilai-nilai atau norma yang terkandung dalam Pancasila dijadikan tolok ukur dalam melaksanakan pembangunan nasional baik dalam perencanaan, pengorganisasian, pelakasanaan, pengawasan maupun dalam evaluasinya. (10). Pembangunan Nasional sebagai pengamalan Pancasila. (BP 7-Pusat, 1993: 15-16).

[80] Tim Sebelas terdiri dari berbagai ahli terutama dari pihak TNI, Kehakiman, tehnokrat yaitu: Sudharmono SH (ketua merangkap anggota), Dr. J.B. Soemarlin (wakil ketua merangkap anggota), anggota-anggota Letjen TNI H.M. Rachmat Kartakusumah, Letjen TNI Machmoed Soebarkah, Letjen TNI Daryatmo, Letjen TNI Ali Moertopo, Prof. Drs. A. Majid Ibrahim, Kartijo, Ismail Saleh SH, Drs. Moerdiono. Semua tim ini adalah pemikir militer, hukum dan politisi.

[81] Undang-Undang Dasar 1945 berisi pembukaan, batang tubuh terdiri dari 17 bab, 37 pasal dan aturan tambahan 4 pasal, aturan peralihan 2 ayat (BP_7 pusat, UUD, P_4 dan GBHN (1993:1-9).

Ketiga, Garis-garis Besar Haluan Negara sebagai landasan operasional,[82] landasan ini menurut ahli tata negara, merupakan acuan pembangunan Indonesia bagi meraih tujuan dan cita-cita Nasional (M. Solly Lubis, 1988:2). Adapun cita-cita Nasional seperti yang diamanatkan dalam pembukaan UUD 1945 alinea 2, berbunyi: Dan perjuangan pergerakan kemerdekaan Indonesia telah sampailah kepada saat yang berbahagia dengan selamat sentosa mengantarkan rakyat Indonesia ke depan pintu gerbang kemerdekaan negara Indonesia, yang merdeka, bersatu, adil dan makmur" (BP7 1993:1). Garis-Garis Besar Haluan Negara pada hakikatnya merupakan "kehendak rakyat Indonesia". Ia ditetapkan oleh wakil-wakil rakyat yang telah menang dalam pemilihan umum setiap lima tahun sekali. Merekalah yang menetapkan arah Pembangunan Nasional dengan musyawarah di lembaga tertinggi negara yaitu Majlis Permusyawaratan Rakyat Republik Indonesia (MPR RI). Demikian pula dengan pembangunan daerah harus bersesuaian dengan tujuan pembangunan Nasional tetapi harus mendapat pengesahan daripada anggota Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) provinsi dan kabupaten. Program pembangunan daerah ini pula harus sejalan dengan cita-cita kemerdekaan RI, yaitu mewujudkan masyarakat yang adil, aman dan makmur. Tujuan pembangunan Indonesia juga mesti selaras dengan cita-cita Nasional yaitu untuk mewujudkan masyarakat yang makmur dan diredhai oleh Allah swt.

Oleh sebab itu, pembangunan daerah mesti sesuai dengan arahan Garis-Garis Besar Haluan Negara (GBHN) yang secara efektif dilaksanakan di awal Orde Baru.[83] Ketika hasil pemilihan umum tahun 1971, terpilihlah anggota Majlis Permusyawaratan Rakyat RI yang salah satu tugasnya ialah menetapkan Garis-Garis Besar Haluan Negara (GBHN) 1973[84] yang memuat pola Pembangunan Nasional jangka panjang pertama dan pola umum pembangunan lima tahun kedua. GBHN 1993 juga tetap menggunakan pola yang sama.

---

[82] Garis-Garis Besar Haluan Negara ditetapkan dengan maksimal untuk memberikan arah bagi perjuangan bangsa Indonesia dalam mengisi kemerdekaannya dengan tujuan mewujudkan kondisi yang diinginkan baik dalam jangka sedang lima tahun maupun dalam jangka 25 tahun, GBHN disusun dengan Pancasila sebagai landasan idiel dan UUD 1945 sebagai landasan konstitusional, ketetapan-ketetapan MPR, Republik Indonesia (1993:15-16).

[83] Sebelum Orde Baru priode 18 Agustus 1945 – Desember 1949, belum menghasilkan GBHN. Priode 1959, 1966 berdasarkan penetapan Presiden nomor 2/1959, Presiden membentuk MPRS, maka telah ditetapkan Garis-Garis Besar Pola Pembangunan Nasional Semesta Berencana Tahapan Pertama 1961-1969. Bahkan di era ini dipisahkan GBHN politik dan GBHN pembangunan, Priode 1966 (awal Orde Baru) hingga menjelang sidang umum MPRS tahun 1968 tidak berhasil menetapkan GBHN, dan akhirnya MPR menetapkan salah satu tugas kabinet pembangunan dalam menyusun dan melaksanakan perencanaan pembangunan lima tahun (Ketetapan MPR. 1993:2-8).

[84] Tugas ini berdasarkan amanat UUD 1945. Bab II pasal 3 yang berbunyi: "Majlis Permusyawaratan Rakyat menetapkan UUD dan Garis-Garis Besar daripada Haluan Negara" (Ketetapan MPR,1993:2).

Adapun pola pembangunan Nasional lima tahun ke enam (GBHN 1993) ditetapkan 9 asas yaitu: "Pertama, asas keimanan dan ketaqwaan terhadap Tuhan yang Maha Esa. Kedua, asas manfaat. Ketiga, asas demokrasi Pancasila. Keempat, asas adil dan merata (e) Asas keseimbangan, keserasian dan keselarasan dalam perikehidupan (f) Asas hukum. Kelima, asas kemandirian. Keenam, asas kejujuran. Ketujuh, asas ilmu pengetahuan dan teknologi (GBHN, 1993:180-181). Maka seluruh sektor pembangunan di Indonesia ini harus mengacu kepada asas-asas yang telah disebutkan di atas. Lebih-lebih lagi dalam GBHN tahun 1993 ini telah menambah modal dasar pembangunan yang dapat dijadikan kekuatan untuk mewujudkan masyarakat adil, makmur dan sejahtera.

Pertama, kemerdekaan dan kedaulatan bangsa dan negara Indonesia. Kedua, jiwa dan semangat persatuan dan kesatuan bangsa. Ketiga, wilayah yang luas dan berkedudukan di khatulistiwa. Keempat, kekayaan alam yang beraneka ragam yang terdapat di darat, laut, udara dan dirgantara. Kelima, penduduk yang besar jumlahnya sebagai sumber daya manusia yang potensial dan produktif. Keenam, rohaniyah dan mental. Ketujuh, budaya bangsa Indonesia yang dinamis. Kedelapan, potensi dan kekuatan efektif bangsa. Kesembilan, Angkatan bersenjata Republik Indonesia (GBHN,1993:182-183).

Keempat, Program Perencanaan Pembangunan Nasional (Propernas), ini dibuat di era reformasi, karena istilah Garis-garis Besar Haluan Negara (GBHN) tidak populer lagi sehingga diganti menjadi Propernas berdasarkan hasil ketetapan-ketetapan Majlis Permusyawaratan Rakyat (MPR). Ketetapan-ketetapan itu diantaranya adalah ketetapan Nomor V/MPR/2000 tentang Pemantapan Persatuan dan Kesatuan Nasional. Ketetapan ini menyangkut berbagai masalah bangsa di antaranya nilai-nilai agama dan budaya tidak dijadikan sumber etika dalam pembangunan bangsa dan Negara. Akibatnya terdapat krisis akhlak dan moral seperti ketidakadilan, pelanggaran hukum dan pelanggaran hak asasi manusia (TAP MPR, 2003:77).

Untuk memperbaiki keadaan tersebut diperlukan arahan Propernas yang menghendaki wujudnya nilai-nilai agama dan budaya sebagai sumber etika untuk berbuat baik dan menjauhi perbuatan tercela yang bertentangan dengan hukum dan hak asasi manusia. Arah dasar tersebut menghendaki agar nilai-nilai agama dan budaya bangsa dijadikan sebagai sumber etika pembangunan kehidupan bangsa dan negara dalam rangka memperkukuh akhlak penyelenggara negara dan masyarakat (TAP MPR, 2003:79-80).

Selain itu, terdapat ketetapan MPR tentang visi Indonesia sebagai gambaran menyeluruh dari keinginan rakyat Indonesia mendapat keutamaan dalam pembangunan Nasional. Visi Indonesia 2020 ialah, wujudnya masyarakat Indonesia yang beragama, manusiawi, berpadu, demokratis, adil, sejahtera, maju, mandiri serta baik dan bersih dalam penyelenggaraan Negara (TAP

MPR, 2003:130).[85] Visi tersebut sangatlah mulia karena cita-cita Indonesia 2020 akan membangun negeri ini meraih kemakmuran, kejayaan dan kesejahteraan. Untuk memberhasilkan visi tersebut, MPR telah mengarahkan semua penyelenggara negara agar berpedoman kepada *visit* Indonesia 2020 untuk menetapkan kebijaksanaan program pembangunan kehidupan bangsa dan negara (TAP.MPR, 2003:133).

Untuk saat ini di daerah setiap awal tahun melaksanakan Musyawarah Rencana Pembangunan (MUSYREMBANG) di mana Badan Perencanaan Pembagunan Daerah (BAPEDA) masing-masing Kabupaten Kota menyipakan konsep perencanaan kegiatan pembangunan yang akan dilaksanakan oleh SKPD masing-masing. Konsep perencanaan ini dimusyawarahkan bersama oleh masing-masing dinas dengan mengundang para ahli baik praktisi, Perguruan Tinggi dan tokoh masyarakat. Hasil musrembang ini akan direalisasikan dalam membangun daerah. Sekali lagi paradigma ini tentu tetap mengacu kepada asas pembangunan Indonesia, sungguhpun melibatkan para ustaz, ulama atu cendikawam muslim, tetap saja belum mengacu kepada pemikiran yang tawhidik.

ARAH BARU PEMIKIRAN PEMBANGUNAN ISLAM INDONESIA

Seperti diketahui bahwa pemikiran pembangunan bernuansa Islam di Indonesia kurang berkembang, karena sejak pemerintah masa Orde Lama lebih menekankan pembagunan bernuansa nasionalis. Sementara masa Orde Baru beberapa priode juga kurang responsif terhadap pemikiran pembangunan bernuansa Islam, hal ini dimungkinkan karena para intelektual muslim kurang dekat dengan kekuasaan masa itu, bahkan orang-orang meliterlah yang berkuasa dan memberikan kontribusi besar untuk merancang dan pelaksana pembangunan di Indonesia, sampai-sampai seorang kepala desa, camat, bupati dan gubernur hampir diisi oleh meliter. Tetapi kemudian sejak BJ Habibi masuk dalam Kebinet Pembangunan Indonensia mulai muncul harapan baru kekuasaan berdampingan dengan Islam, apalagi lahirnya Ikatan Cendikawan Muslim Indonesia (ICMI) yang diketuai oleh BJ Habibi sendiri. Sejak masa itu banyak para intelektual muslim masuk dalam Kabinet Pembangunan, sejak masa itu hubungan Pemerintahan Soeharto semakin mesra dengan para cendikiawan muslim. Sekurang-kurangnya ada beberapa perkembangan kea rah baru pemikiran pembangunan yang bernuansa Islam, arah baru itu ialah:

[85] Cita-cita ini pun sebenarnya merupakan inspirasi berasaskan amanat Undang-Undang Dasar RI, yang berbunyi: "Dan pergerakan kemerdekaan Indonesia telah sampailah kepada saat yang berbahagia dengan selamat sentosa mengantarkan rakyat Indonesia ke depan pintu gerbang kemerdekaan Negara Indonesia yang merdeka, bersatu, berdaulat adil dan makmur" (Pembukaan UUD 1945).

Pertama, aspek politik, berupa penerimaan secara penuh Pancasila sebagai dasar negara di mana pada masa Orde Lama muncul berbagai gejolak politik akibat penyelewengan total terhadap idiologi negara Pancasila sebagai konsensus nasional yang telah dirumuskan oleh bangsa sebagai pedoman hidup berbangsa dan bernegara. Pertentangan idiologi menyeret bangsa Indonesia kepada pertarungan yang mengakibatkan perpecahan. Akibat dari perpecahan, tidak ada kesempatan untuk membangun sehingga pembangunan ekonomi, pendidikan dan keamanan terbengkalai. Bagi umat Islam munculnya gerakan Darul Islam atau Tentara Islam Indonesia (DI/TII) seperti di Aceh oleh Tengku Muhammad Daud Beureuh, sedangkan di Sulawesi dipimpin oleh Kahar Muzakar bertujuan untuk mendirikan negara Islam. Akibat gerakan ini menyebabkan umat Islam terpojok serta partai politik Islam dituduh oleh lawan politiknya sebagai partai anti Pancasila dan anti pembangunan. Tetapi setelah menyadari situasi tersebut maka umat Islam kembali menerima Pancasila sebagai dasar negara dan sebagai satu-satunya azaz dalam bernegara, berbangsa dan bertanah air. Menurut B. J. Boland (1985:90), penerimaan umat Islam bahwa Pancasila adalah idiologi resmi negara yang isinya lima dasar yaitu Percaya kepada Tuhan Yang Maha Esa, Nasionalisme, Demokrasi, Keadilan sosial dan humanitis. Dihubungkan dengan pendekatan konstitusional 1950,[86] antara para pendukung negara berdasrkan Islam atau negara di mana hukum-hukum sesuai dengan atau tidak menantang Al-Quran dan Hadis.

Kedua, aspek hukum Islam, telah lahirnya Undang-Unadang Peradilan Agama (UU-PA), sebagai amanat pembagunan. Perjuangan umat Islam untuk melahirkan UU-PA sebenarnya telah memakan waktu yang cukup panjang, meskipun keberadaan peradilan agama sudah diperkuat oleh UU No 14 tahun 1970 dan UU No 1 tahun 1974 dan hal ini bukanlah berarti karena umat Islam adalah mayoritas di Republik ini. Sebab telah lama disepakati oleh bangsa Indonesia bahwa ukuran mayoritas dan minoritas bukan merupakan ukuran mutlak. Tetapi keberadaan Peradilan Agama diperlukan guna memenuhi keperluan umat Islam di Indonesia dan keberadaannya tidak akan merugikan umat non muslim. Oleh sebab itu, hanya mengatur dan menerapkan hukum perkawinan bagi umat Islam yang sesuai dengan keindonesiaan, sehingga UU ini masih merupakan bahagian dari wawasan pembangunan hukum nasional.

Menurut Ismail Saleh, hukum nasional kita harus memperhatikan wawasan kebangsaan, wawasan nusantara, wawasan Bhineka Tunggal Ika dan membangun sistem hukum nasional modern yang merupakan *system of law*.[87] Apabila dikaitkan dengan pernyataan Ismail Saleh tersebut, maka UU-PA lahir secara wajar sesuai dengan kondisi keindonesiaan dan terjamin dalam UUD 1945 pada pasal 29. Terjaminnya dalam UUD 1945 bukan

---

[86] Salah satu isinya menyebutkan Ketuhanan Yang Maha Esa dengan menjalankan Syariat Islam bagi pemeluknya.

[87] Pernyataan ini dikutip oleh Tohap Simanungkalit, Bagaimana Pancasila Menjaring Bahan-Bahan Hukum Nasional, *Kompas,* 1 Juli 1989.

berarti melepaskan begitu saja terhadap kehidupan umat beragama akan tetapi memberikan ruang terhadap pembinaan kehidupan umat beragama baik perangkat hukum maupun prosudur pengembangan agama.

Ketiga, dalam bidang ekonomi, telah tumbuh dan berkembangya Bank Perkereditan Rakyat, Bank Muamalah dan Bank Syariah. Tumbuhnya bank-bank Islam ini telah mencairnya kendala berupa lemahnya keuangan umat Islam Indonesia, karena tanpa keungan maka kegiatan umat Islam akan kurang terealisir. Untuk memajukan umat Islam Indonesia salah satu usaha ialah dengan menggiatkan aktivitas ekonomi, dan salah satu pilarnya ialah memanfaatkan jasa bank dan koperasi Islam. Meskipun kemampuan umat Islam untuk melakukan aktivitas ekonomi diragukan, karena menurut Marzuki Yatim seperti yang dikutip oleh Muhammad Hasan Kamal (1987:76), untuk mendirikan perusahaan-perusahaan Islam dan bank-bank Islam yang terpercaya tetap tidak lebih daripada suatu ekspresi dari idealisme belaka. Sebahagian masalahnya terletak pada fakta bahwa kecendikiawanan Islam baik di Indonesia maupun di Timur Tengah belum lagi merembesi dinding pemikiran dan sikap dari orang-orang yang terlibat dalam perancangan ekonomi dan perbankan.

Keraguan umat Islam terhadap penggunaan jasa bank sebagai punggung perekonomian umat Islam sebenarnya disebabkan karena perbedaan pendapat tentang boleh tidaknya untuk menggunakan jasa bank. Di Indonesia juga terjadi perbedaan pandangan tentang jasa bank tersebut, menurut Muhammad Kamal Hasan (1987:79), di antaranya golongan NU cendrung melarang perusahaan bisnis atau meminjam uang dari bank dan bagi Muhammadiyah merasa bahwa sebuah bank hanya dapat meminta ongkos administrasi kepada deposito, pinjaman, pemindahan uang atau penyimpan barang demi keselamatan. Ada lagi pendapat lain bahwa sistem perbankan modern diperbolehkan dengan syarat bunganya tidak dipergunakan untuk sektor konsumen, yaitu bunga hendaknya tidak diambil dari pinjaman yang diberikan kepada seseorang yang memerlukan uang untuk kelangsungan hidup. Bunga hendaknya hanya diambil dari pinjaman yang dipergunakan untuk tujuan-tujuan produksi. Mengenai larangan riba dalam Al-Quran merupakan larangan yang mengacu kepada bentuk-bentuk suku bunga yang ribawi melebihi biasa dan bersifat eksploitatif. Berangkat dari keadaan itulah muncul gagasan untuk mendirikan bank-bank Islam tanpa bunga berdasarkan konsep bagi keuntungan (*syirkah mudharabah*).[88] Masa kini pemikiran ekonomi Islam sudah berkembang menuju bisnis Islam seperti Ahad Net yang menyediakan barang dan jasa yang menggunakan

---

[88] *Mudharabah* merupakan suatu bentuk kerjasama antara dua pihak atau lebih dalam satu perkongsian atau proyek di mana pihak pertama memberikan dana (*sahibul mal*) dan pihak kedua berfungsi sebagai pengelola usaha (*mudharib*) dengan perjanjian keuntungan akan dibagi sesuai dengan *nisbah* (rasio) yang disepakati bersama dan kerugian akan ditanggung penyandang dana selama kerugian itu terjadi akibat risiko bisnis biasa. Namun, jika kerugian terjadi karena kecurangan atau kelalaian pengelola usaha maka si pengelola berkewajiban menanggung kerugian. Lihat Muhammad Syafii Antonio (2011:58).

syariat Islam, sehingga dapat menciptakan rasa aman baik dari hasil produksi yang dijamin halal serta menggunakan akhlak al-karimah sebagai bentuk pelayanan yang dicontohkan oleh Rasulullah S.A.W.

Keempat, bidang pendidikan Islam telah cukup berkembang munculnya pesantren modern seperti Gontor Ponorogo, Al-Jaitun dan banyak lagi pesantren yang sudah mengahsilkan alumni sangat berkualitas yang memadukan antara ilmu Islam dengan sains modern. Sekarang ini giliran IAIN berubah menjadi universitas Islam dengan menambah fakultas baru seperti fakultas Ekonomi dan Bisinis Islam, Sains dan Teknologi Islam, Sosial dan Politik Islam, Kedokteran Islam dan Kelautan Islam. Perubahan dari intitut menjadi universitas karena sejak masa Rasulullah s.a.w ilmu itu satu yang datang dari Allah swt lewat wahyu, maka sebuah keniscayaan bahwa ilmu menjadi sebatang pohon memiliki pokok dan cabang yang menyatu atau disebut dengan "*Syajarat al-Ulum*" yang menurut Mulyadi Kartanegara, bahwa ilmu berakar kebenaran Allah melalui Al-Quran dan Sunnah, kemudian batangnya terdiri dari: (1). Ilmu al-Quran (2). Ilmu Akliah (3). Ilmu Teoritis (4). Ilmu Praktis. Seterusnya ilmu-ilmu cabang, pertama, meliputi Tasawuf, Kalam, Fiqh, Hadis dan Tafsir. Cabang kedua, Mantiq, Fisika, Matematika, Metafisika, cabang lainnya adalah Politik, Ekonomi dan Akhlak.[89] Demikian juga Amin Abdullah menyebutkan bahwa transformasi IAIN ke UIN sebagai usaha integrasi ilmu yang menurutnya ada lima lapis,[90] Lapis kelimanya ialah didasari oleh Al-Quran & Sunnah, dilingkar keduanya adalah metodologi dan pendekatan keilmuan seperti Kalam, Falsafah, Tasawuf, Hadis, Tarikh, Fiqh, Tafsir, Lughah. Lingkar tiganya ialah, Arceologi, Philologi, Humaneutics, Proses Chemestry Biologi, Etica, Phenomenology, Phsikology, Antropologi dan Sosilogi. Lingkar berikutnya antara lain International Law, Religius Pluralism, Global Economic, Human Rights, Politics/ Civil Society, Culture Studies, Gender Issues dan Enveronimental Issues. Begitulah sesungguhnya integrasi antara ilmu Islam dengan sains modern. Ide integrasi ini sudah awal digulirkan, Muhammad Abduh seperti dikutip oleh Harun Nasution (1982:65), mengatakan bahwa ilmu-ilmu pengetahuan modern yang banyak berdasar pada hukum alam (*natural laws=Sunnatullah*) tidak bertentangan dengan Islam yang sebenarnya. Hukum alam adalah ciptaan Tuhan dan wahyu juga berasal dari Tuhan, maka ilmu pengetahuan modern yang berdasar pada hukum alam dan Islam sebenarnya yang berdasar pada wahyu, tidak boleh dan tak mungkin

---

